



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN 2024

SIDANG REDAKSI

Penaung:

YBhg. Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin

Penasihat:

YBrs. Tuan Durairajoo A/L Muniandy

Ketua Editor:

Kamsani bin Kamruddin

Penolong Ketua Editor:

Logaraja A/L Aruchunan

Editor Utama:

Muhammad Syazani bin Zulkifli

Pembantu Editor:

Lee Thung Kuen

Mohd Khairi bin Tajuddin

Muhammad Shafuanbin Md Zan

Urusetia:

Datin Normala binti Che Man

Hamidah binti Abdul Hamid

Saniah binti Mohd Nor

Unit Edaran:

Salmawati binti Salihuddin


Mohd Danial Faiz bin Suhaimi

Diterbitkan Oleh:

Cawangan Perhubungan Awam

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia

W.P Putrajaya



Cetakan Pertama, 2025

Hak Cipta Terpelihara®

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.



Isi Kandungan

M/S **4**

CARTA ORGANISASI

M/S **49**

BAB 2

KHIDMAT PENGURUSAN SUMBER
MANUSIA

M/S **6**

PERUTUSAN KETUA PENGARAH
KASTAM

M/S **85**

BAB 3

PERKASTAMAN

M/S **8**

VISI DAN MISI

M/S **123**

BAB 4

CUKAI DALAM NEGERI

M/S **10**

PERANAN JABATAN KASTAM
DIRAJA MALAYSIA

M/S **168**

BAB 5

PERKHIDMATAN TEKNIK

M/S **12**

BAB 1

PERANCANGAN KORPORAT

M/S **211**

BAB 6

PENGUATKUASAAN

M/S **250**

BAB 7

PENGURUSAN PEMATUHAN

M/S **291**

BAB 9

PERUNDANGAN

M/S **260**

BAB 8

TEKNOLOGI MAKLUMAT

M/S **295**

BAB 10


CAWANGAN INTEGRITI






Carta Organisasi

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA







PERUTUSAN KETUA PENGARAH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita terus diberi kekuatan untuk menjalankan amanah dalam memelihara keselamatan sempadan, memungut hasil negara dan memudah cara perdagangan dengan berkesan. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berperanan sebagai institusi yang bukan sahaja menguatkuasakan undang-undang, malah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Laporan tahunan ini memperlihatkan prestasi JKDM dalam melaksanakan tanggungjawab fiskal dan keselamatan sempadan sepanjang tahun. Di sebalik cabaran ekonomi global dan ketidaktentuan geopolitik, JKDM terus menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan hasil negara dikutip secara optimum, perdagangan dipermudah, dan integriti jabatan terpelihara.

Sehubungan itu, saya ingin menegaskan tiga prinsip utama yang perlu sentiasa dihayati oleh seluruh warga JKDM iaitu Cekap, Tangkas dan Integriti. Kita mesti cekap dalam setiap tindakan dengan mengutamakan keberkesanan sistem, kecekapan sumber manusia dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. Dalam dunia yang pantas berubah, ketangkasan dalam membuat keputusan dan bertindak balas terhadap cabaran semasa amat penting.

Namun, asas utama kejayaan kita tetap bergantung kepada integriti. JKDM menolak sebarang bentuk salah guna kuasa dan penyelewengan. Semua tindakan kita mestilah berlandaskan etika, amanah dan akauntabiliti yang tinggi. Marilah kita terus berganding bahu, menjunjung profesionalisme dan memartabatkan JKDM sebagai agensi yang dipercayai dan disegani di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA





VISI, MISI DAN SLOGAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



VISI



Memelihara Ekonomi
dan Mengawal
Sempadan ke Arah
Negara Progresif

MISI



Kutipan Hasil,
Fasilitasi Perdagangan
dan Kawalan
Sempadan yang
Responsif Melalui
Integrasi Masyarakat
dan Teknologi

SLOGAN



Ekonomi Dipelihara,
Sempadan Dikawal

ETIKA



Amanah Berkhidmat
Ikhlas Dedikasi
(A.B.I.D)



INTEGRITY
Integriti

SPEED
Pantas

PROFESSIONAL
Profesional

EFFICIENT
Cekap

EFFECTIVE
Berkesan

DYNAMIC
Dinamik



PERANAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



JKDM berperanan untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan memelihara keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat melalui tiga fungsi utama:-



Memungut Hasil Negara

- 1 Duti Import
- 2 Duti Eksport
- 3 Duti Eksais
- 4 Cukai Jualan
- 5 Cukai Perkhidmatan
- 6 Levi Keuntungan Luar Biasa
- 7 Levi Pelepasan
- 8 Levi Kenderaan
- 9 Hasil Bukan Cukai
- 10 Hasil Negeri / Wang Amanah
- 11 Cukai Pelancongan



Memberi Fasilitas Kepada Sektor Perdagangan dan Perindustrian

- 1 Fasilitas perkastaman selari dengan dasar semasa kerajaan
- 2 Kemudahan pengecualian cukai kepada pengimport
- 3 Pengecualian cukai terhadap bahan mentah dan mesin pengilang
- 4 Kemudahan bayaran balik duti/cukai dan tuntutan pulang balik duti/cukai
- 5 Kemudahan pelepasan dagangan import, eksport dan pelepasan penumpang



Menguatkuasakan Undang-Undang



- 1 Menguatkuasakan akta-akta dan perundangan subsidiari



BAB 1: PERANCANGAN KORPORAT

Cawangan Keurusetiaan dan Penyelarasan

BIL	PROGRAM	TARIKH	LOKASI
1.	Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia kali ke-42 Tahun 2024	23 Januari 2024	Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya
2.	Istiadat Mengarak Gencana Diraja Sempena Ulang Tahun Ke-61 Penganugerahan Gelaran Diraja Kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia	18 November 2024	JKDM Ibu Pejabat
3.	Mesyuarat Pengarah-pengarah Kastam Se-Malaysia Kali ke-104 Bil 1/2024	6 - 7 Mac 2024	Hotel AMES, Melaka
4.	Mesyuarat Pengarah-pengarah Kastam Se-Malaysia Kali ke-105 Bil 2/2024	23 Julai 2024	Dewan Persidangan Sri Rampai, JKDM Ibu Pejabat
5.	Mesyuarat Pengarah-pengarah Kastam Se-Malaysia Kali ke-106 Bil 3/2024	11 November 2024	Dewan Persidangan Sri Rampai, JKDM Ibu Pejabat

UNIT PERANCANGAN STRATEGIK

KATEGORI PENCIPTAAN

1	JOHAN	KUMPULAN PEARL 24, JKDM PULAU PINANG
2	NAIB JOHAN	KUMPULAN KLANG WAVE, JKDM ZON TENGAH UNIT II SELANGOR
3	KETIGA	KUMPULAN DOMINATORS, JKDM ZON TENGAH UNIT I WP KUALA LUMPUR
4	KEEMPAT	KUMPULAN OPTIMAX, JKDM PERLIS
5	KELIMA	KUMPULAN V-LEADER, JKDM ZON TENGAH UNIT III LTA KUALA LUMPUR

KATEGORI PENAMBAHBAIKKAN

1	JOHAN	KUMPULAN IGNITE, JKDM ZON TENGAH UNIT III LTA KUALA LUMPUR
2	NAIB JOHAN	KUMPULAN VERIFICA, JKDM JOHOR
3	KETIGA	KUMPULAN IOTA, JKDM NEGERI SEMBILAN
4	KEEMPAT	KUMPULAN LOGIK, JKDM TERENGGANU
5	KELIMA	KUMPULAN BRAVO ZULU, JKDM ZON TENGAH UNIT II SELANGOR

KATEGORI HIBRID

1	JOHAN	KUMPULAN LITE, JKDM WP LABUAN
2	NAIB JOHAN	KUMPULAN MANGIFERA JKDM PERLIS

ANUGERAH KHAS

ANUGERAH BUKU TERBAIK KATEGORI PENCIPTAAN		
1	EMAS	KUMPULAN PEARL 24, JKDM PULAU PINANG
2	PERAK	KUMPULAN KLANG WAVE, JKDM ZON TENGAH UNIT II SELANGOR
3	GANGSA	KUMPULAN DOMINATORS, JKDM ZON TENGAH UNIT I WP KUALA LUMPUR

ANUGERAH BUKU TERBAIK KATEGORI PENAMBAHBAIKKAN		
1	EMAS	KUMPULAN IGNITE, JKDM ZON TENGAH UNIT III LTA KUALA LUMPUR
2	PERAK	KUMPULAN LITE, JKDM WP LABUAN
3	GANGSA	KUMPULAN VERIFICA, JKDM JOHOR

ANUGERAH PERSEMBAHAN TERBAIK KATEGORI PENCIPTAAN

1	EMAS	KUMPULAN PEARL 24, JKDM PULAU PINANG
2	PERAK	KUMPULAN DOMINATORS, JKDM ZON TENGAH UNIT I WP KUALA LUMPUR
3	GANGSA	KUMPULAN KLANG WAVE, JKDM ZON TENGAH UNIT II SELANGOR

ANUGERAH PERSEMBAHAN TERBAIK KATEGORI PENAMBAHBAIKKAN

1	EMAS	KUMPULAN IGNITE, JKDM ZON TENGAH UNIT III LTA KUALA LUMPUR
2	PERAK	KUMPULAN SMART 24, JKDM PULAU PINANG
3	GANGSA	KUMPULAN IOTA, JKDM NEGERI SEMBILAN

ANUGERAH PAMERAN TERBAIK KATEGORI PENCIPTAAN

1	EMAS	KUMPULAN PEARL 24, JKDM PULAU PINANG
2	PERAK	KUMPULAN G-AWESOME, JKDM JOHOR
3	GANGSA	KUMPULAN V-LEADER, JKDM ZON TENGAH UNIT III LTA KUALA LUMPUR
4	KEEMPAT	KUMPULAN EXITO, JKDM PERAK
5	KELIMA	KUMPULAN D'ACADEMY, AKADEMI KASTAM DIRAJA MALAYSIA (AKMAL)

ANUGERAH PAMERAN TERBAIK KATEGORI PENAMBAHBAIKKAN

1	EMAS	KUMPULAN BRAVO ZULU, JKDM ZON TENGAH UNIT II (SELANGOR)
2	PERAK	KUMPULAN SMART 24, JKDM PULAU PINANG
3	GANGSA	KUMPULAN EXQUISITE, JKDM ZON TENGAH UNIT I (WPKL)
4	KEEMPAT	KUMPULAN MANGIFERA, JKDM PERLIS
5	KELIMA	KUMPULAN VERIFICA, JKDM JOHOR

ANUGERAH KHAS JURI KATEGORI PENCIPTAAN

1		KUMPULAN D-FORCE, JKDM WP LABUAN
---	--	----------------------------------

ANUGERAH KHAS JURI KATEGORI PENAMBAHBAIKKAN

1		KUMPULAN MJEURA, JKDM MELAKA
---	--	------------------------------



Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Pada tahun 2024, sebanyak 10 JKDM Negeri/ Zon/Unit/ AKMAL yang telah diaudit oleh pasukan juruaudit EKSA JKDM iaitu:

BIL	NEGERI/ ZON/ UNIT/ AKMAL
1	JKDM ZON TENGAH UNIT IV (PUTRAJAYA)
2	JKDM NEGERI SEMBILAN
3	JKDM JOHOR
4	PCKP SINGAPURA
5	JKDM SABAH
6	AKADEMI KASTAM DIRAJA MALAYSIA (AKMAL) CAWANGAN SABAH
7	JKDM TERENGGANU
8	JKDM KEDAH
9	AKADEMI KASTAM DIRAJA MALAYSIA (AKMAL) CAWANGAN LANGKAWI
10	JKDM PULAU PINANG

UNIT PERANCANGAN STRATEGIK

NAZIRAN			
BIL	NAZIRAN	TARIKH	TEMPAT
1	NAZIRAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK JKDM KEDAH	04 HINGGA 06 JUN 2024	KOMPLEKS KASTAM ALOR SETAR, KEDAH
2	NAZIRAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK JKDM PAHANG	24 HINGGA 26 JUN 2024	WISMA KASTAM PAHANG
3	NAZIRAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK JKDM ZON SABAH	28 HINGGA 30 OKTOBER 2024	MENARA KASTAM SABAH
4	NAZIRAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK JKDM SARAWAK	06 HINGGA 08 NOVEMBER 2024	WISMA KASTAM SARAWAK
5	NAZIRAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA IBU PEJABAT	04 DISEMBER 2024	BILIK MESYUARAT CPL, KPSM IBU PEJABAT
6	NAZIRAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT IBU PEJABAT	17 DISEMBER 2024	BILIK MESYUARAT UTAMA, BPK IBU PEJABAT

NAZIRAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK JKDM PAHANG



**PROGRAM PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAGI
TEMPOH 2025-2027**

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Pelantikan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal oleh Ketua Pengarah Kastam Malaysia	19 Oktober 2023	Ibu Pejabat
2	Taklimat bersama Perunding dan Ahli Jawatankuasa Teknikal	23 Oktober 2023	Bilik Mesyuarat Utama, Bahagian Cukai Dalam Negeri, Suasana PJH
3	Bengkel Kemahiran <i>National Blue Ocean Strategy</i> (Siri 1)	31 Okt – 3 Nov 2023	ABID 7, AKMAL Melaka
4	Bengkel Kemahiran <i>National Blue Ocean Strategy</i> (Siri 2)	27 – 30 November 2023	Bilik AEO, Tingkat 3 Selatan, Ibu Pejabat
5	Mesyuarat Kerja: Pembangunan Buku Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia	11 – 14 Disember 2023	Dewan Dato' Haji Zazuli, Suasana PJH
6	Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia	7 – 9 Mac 2024	Sunway Hotel Big Box, Johor Bahru
7	Pembentangan Hasil Bengkel kepada Jawatankuasa Induk	11 Mac 2024	Dewan Persidangan Sri Rampai, Ibu Pejabat
8	Kemaskini Pelantikan Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Teknikal Dan Sekretariat Pelan Tindakan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia Bagi Tempoh 2025-2027	13 Ogos 2023	Ibu Pejabat
9	Sesi Libat Urus Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia bersama Bahagian Ibu Pejabat dan Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL)	7 – 26 Ogos 2024	Bilik Mesyuarat Utama, Bahagian Perancangan Korporat
10	Mesyuarat Kerja bersama Bahagian Ibu Pejabat dan Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL)	26 Ogos – 6 Sept 2024	Bilik Mesyuarat Utama, Bahagian Perancangan Korporat
11	Bengkel Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Siri I)	17 – 18 September 2024	Putra Eksekutif Lounge, Ibu Pejabat
12	Bengkel Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Siri II)	19 – 20 September 2024	Putra Eksekutif Lounge, Ibu Pejabat

PROGRAM PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAGI TEMPOH 2025-2027


BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
13	Bengkel Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Siri III) bersama Perunding	8 – 10 Oktober 2024	Putra Eksekutif Lounge, Ibu Pejabat
14	Bengkel Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Siri IV) bersama Perunding	14 – 18 Oktober 2024	Putra Eksekutif Lounge, Ibu Pejabat
15	Pembentangan Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia kepada Jawatankuasa Teknikal (Sesi Pertama)	24 Oktober 2024	Dewan Persidangan Sri Rampai, Aras 3 Ibu Pejabat
16	Pembentangan Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia kepada Jawatankuasa Teknikal (Sesi Kedua)	4 November 2024	Dewan Persidangan Sri Rampai, Aras 3 Ibu Pejabat
17	Pembentangan Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia kepada Jawatankuasa Induk (Sesi Pertama)	28 November 2024	Dewan Persidangan Sri Rampai, Aras 3 Ibu Pejabat
18	Pembentangan Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia kepada Jawatankuasa Induk (Sesi Kedua)	20 Disember 2024	Dewan Persidangan Sri Rampai, Aras 3 Ibu Pejabat

PEMBENTANGAN PELAN STRATEGIK JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA KEPADA JAWATANKUASA INDUK (SESI PERTAMA)



UNIT KPI

Unit KPI, Bahagian Perancangan Korporat Ibu Pejabat berperanan menguruskan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Penjawat Pengurusan Tertinggi Penjawat Awam (PPTPA) sebanyak 30 pegawai Tier 1 hingga Tier 4 yang terdiri daripada Ketua Pengarah Kastam (KPK), Timbalan KPK (Penguatkuasaan & Pematuhan), Timbalan KPK (Perkastaman & CDN), Timbalan KPK (Pengurusan), Penolong KPK Bahagian, Penolong KPK Zon, Pengarah Bahagian, Pengarah Kastam Negeri (PKN) dan Pengarah Operasi. Senarai PPTPA mengikut tier adalah seperti rajah di bawah:



Rajah PPTPA mengikut Tier

Di antara tugas utama Unit KPI adalah membangunkan dan memantau KPI, mengumpul dan menyemak laporan bulanan, mengunci masuk di dalam Sistem MyKPI 2.0, membuat semakan pertengahan penggal, membuat naziran ke atas KPI PPTPA serta berurusan dengan JPA berkenaan KPI PPTPA. Unit KPI telah merancang dan berjaya melaksanakan semua aktiviti sepanjang tahun 2024. Kaedah pelaksanaan aktiviti telah dijalankan secara maya dan fizikal. Berikut adalah aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Unit KPI sepanjang tempoh 2024:

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1	20 Februari 2024	Mesy. KPI Tier 1 Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Bersama Pengurusan Tertinggi Jabatan	Ibu Pejabat
2	29 Februari 2024	Mesyyuarat Penetapan KPI Tindakan Penyelesaian Isu Audit Bagi Tahun 2024 Bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) & Jabatan Audit Negara (JAN)	Maya
3	4 – 6 Mac 2024	Mesyyuarat Kerja KPI PPTPA Bersama Urus Setia KPI Zon/ Negeri	Johor
4	12 Mac 2024	Mesyyuarat KPI Ketua Pengarah Kastam (Tier 1)	Ibu Pejabat
5	15 Mac 2024	Mesyyuarat LKAN Bagi Isu Audit Kutipan Duti Kastam Kenderaan Import di Pulau Bebas Cukai	Ibu Pejabat
6	21 Mac 2024	Mesyyuarat Jawatankuasa Semakan KPI PPTPA Tier 1 2024 Bersama JPA	Maya
7	13 – 17 Mei 2024	Naziran KPI PPTPA Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah (Tier 2)	Zon Tengah
8	28 – 30 Mei 2024	Naziran KPI PPTPA Pengarah Kastam Kelantan (Tier 2)	Kelantan
9	26 Julai 2024	Taklimat Berkenaan Pelaksanaan <i>Demerit Performance Evaluation</i> (DEEP)	Kompleks Setia Perdana, Putrajaya
10	1 – 9 Ogos 2024	Mesyyuarat Kerja Semakan Semula KPI 2023 Bersama Bahagian Ibu Pejabat	Ibu Pejabat
11	8 Ogos 2024	Bengkel <i>Training The Trainers</i> (TTT) Sistem MYKPI Versi 2.0 Bersama Agensi	JPA
12	15 – 16 Ogos 2024	Mesyyuarat Kerja Semakan Semula KPI 2023 Bersama Pengurusan Tertinggi Jabatan	Ibu Pejabat
13	27 - 29 Ogos 2024	Naziran KPI PPTPA Pengarah Kastam Pulau Pinang (Tier 2)	Pulau Pinang
14	10–12 September 2024	Naziran KPI PPTPA Pengarah Kastam Sarawak (Tier 2)	Sarawak
15	28 September 2024	Mesyyuarat Penyelarasan Berhubung Urusan Edaran Soal Selidik Pandangan Warga di Bawah Indikator 9 Bagi Program DEEP	Maya
16	1 Oktober 2024	Sesi Perbincangan dan Penilaian Bagi Dimensi Prestasi Fungsional - Indikator 8: Program/ Projek Utama Kementerian/ Agensi Berhubung Pelaksanaan Program DEEP	Maya

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
17	1 – 3 Oktober 2024	Naziran KPI PPTPA Pengarah Kastam Pahang (Tier 2)	Pahang
18	2 – 4 Oktober 2024	Mesyuarat Kerja Pemantapan Dan Pembangunan KPI PPTPA Tahun 2025 anjuran JPA	Melaka
19	28–30 Oktober 2024	Naziran KPI PPTPA Pengarah Kastam Perlis (Tier 2)	Perlis
20	13 - 28 November 2024	Mesyuarat Kerja Pembangunan KPI 2025 Bersama Bahagian Ibu Pejabat	Ibu Pejabat
21	15 - 20 Disember 2024	Mesyuarat Kerja Memuktamadkan KPI 2025 Bersama Pengurusan Tertinggi Jabatan	Ibu Pejabat
22	31 Disember 2024	Mesyuarat Kerja KPI PPTPA Tier 2 hingga Tier 4 Bersama JPA	Kompleks Setia Perdana, Putrajaya

Mesyuarat Kerja Penyediaan KPI 2025 Bersama Bahagian Ibu Pejabat adalah untuk memuktamadkan KPI Ketua Pengarah Kastam (KPK), Timbalan KPK (Penguatkuasaan & Pematuhan), Timbalan KPK (Perkastaman & CDN), Timbalan KPK (Pengurusan), Penolong KPK Bahagian, Penolong KPK Zon, Pengarah Bahagian, Pengarah Kastam Negeri (PKN) dan Pengarah Operasi. Aktiviti penetapan KPI 2024 yang telah dilaksanakan oleh Unit KPI adalah seperti di bawah:

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	PENGERUSI MESYUARAT
1	9 Disember 2024	Penetapan KPI 2024 bagi: i) Penolong KPK (CDN) ii) Pengarah Bahagian Perkhidmatan Teknik iii) Pengarah Bahagian Perkastaman	Timbalan KPK (Perkastaman & CDN)
2	12 Disember 2024	Penetapan KPI 2024 bagi: i) Penolong KPK Bahagian Penguatkuasaan ii) Pengarah Bahagian Pengurusan Pematuhan	Timbalan KPK (Penguatkuasaan & Pematuhan)
3	17 Disember 2024	Penetapan KPI 2024 bagi: i) Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan Sumber Manusia ii) Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat iii) Pengarah Bahagian Perancangan Korporat iv) Pengarah AKMAL	Timbalan KPK (Pengurusan)

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	PENGERUSI MESYUARAT
4	20 Disember 2024	Memuktamadkan KPI 2024 bagi: i) Timbalan KPK (Penguatkuasaan & Pematuhan) ii) Timbalan KPK (Perkastaman & CDN) iii) Timbalan KPK (Pengurusan) iv) Penolong KPK Zon / PKN v) Pengarah Perundangan	Ketua Pengarah Kastam
5	26 Disember 2024	Memuktamadkan KPI 2024 bagi: i) Pengarah Operasi Perkastaman/ Perkhidmatan Teknik ii) Pengarah Operasi Pematuhan iii) Pengarah Operasi Penguatkuasaan iv) Pengarah Operasi CDN	Penolong KPK Zon Tengah

Bengkel

Pada 4 hingga 6 Mac 2024 Unit KPI Ibu Pejabat telah menganjurkan mesyuarat kerja Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bertempat di Sunway Big Box Hotel, Johor berkenaan KPI Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon/ Pengarah Kastam Negeri (PKN). Bengkel ini telah disertai oleh pegawai Bahagian Ibu Pejabat untuk memberi penerangan berkenaan KPI setiap bahagian yang terlibat di dalam pembangunan KPI Penolong KPK Zon/ PKN kepada urus setia KPI se-Malaysia.

Mesyuarat Kerja KPI

Mesyuarat Kerja KPI terdiri daripada Mesyuarat Kerja Semakan Semula KPI, Mesyuarat Kerja Pembangunan KPI dan Mesyuarat Kerja Memuktamadkan KPI. Mesyuarat Kerja Semakan Semula KPI telah diadakan pada bulan Ogos 2024. Pindaan KPI hanya akan dibenarkan setelah mendapat kelulusan dan persetujuan Ketua Pengarah Kastam. Manakala Mesyuarat Kerja Pembangunan KPI bersama bahagian ibu pejabat dan Mesyuarat Kerja Memuktamadkan KPI oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan diadakan pada bulan November dan Disember 2024.

Naziran

Sebanyak 6 naziran KPI yang dirancang pada tahun 2024 dan semua naziran telah berjaya dilaksanakan. Pasukan Naziran KPI Ibu Pejabat adalah terdiri daripada Bahagian Penguatkuasaan, CDN, Perancangan Korporat, Perkastaman, Pengurusan Pematuhan, Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia dan Perkhidmatan Teknik Ibu Pejabat. Naziran KPI telah dijalankan di JKDM Zon Tengah, JKDM Kelantan, JKDM Pulau Pinang, JKDM Sarawak, JKDM Pahang dan JKDM Perlis.

GAMBAR- GAMBAR BENGKEL, MESYUARAT KERJA DAN NAZIRAN SEPANJANG TAHUN 2024



SUNWAY HOTEL



UNIT ISO

Penyeragaman pensijilan MS ISO 9001:2015 untuk Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) bagi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah diteruskan pada tahun 2024 dengan sasaran untuk pensijilan semula MS ISO 9001:2015 dari pihak SIRIM. Pensijilan ini telah melibatkan (18) lokasi iaitu JKDM Ibu Pejabat, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, KLIA, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Wilayah Persekutuan Labuan dan Pemungut Cukai Kastam Persekutuan (PCKP), Singapura.

Skop pensijilan yang terlibat bagi MS ISO 9001:2015 pada masa ini adalah seperti berikut:

BIL	BAHAGIAN	SKOP
1	Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (KPSM)	Latihan Perolehan (Pembelian Terus)
2	Perkhidmatan Teknik (PERTEK)	Ketetapan Kastam Nasihat Klasifikasi Barangan (NKB)
3	Perkastaman	Pengurusan Lesen Gudang Pengilangan Berlesen (GPB)

Unit ISO, Bahagian Perancangan Korporat telah berjaya membuat deraf persediaan satu skop baharu di Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN) iaitu **Permohonan Sign Up Non-Registrant Jadual B Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018**. Deraf Prosedur Kualiti ini telah diluluskan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan) pada 12 Disember 2024.

Pelbagai program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 seperti mesyuarat, mesyuarat kerja, taklimat dan audit dalam usaha ke arah pengekaln pensijilan MS ISO 9001:2015. Program yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	Mesyuarat Makluman Pemantauan Pensijilan MS ISO 9001:2015 Bagi Tahun 2024	09 Januari 2024
2.	Mesyuarat Kerja Pindaan Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan (KSKP)	8 – 10 Januari 2024
3.	Edaran Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan (KSKP)	Februari - September 2024
4.	Mesyuarat Kerja bagi Program Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 JKDM Tahun 2024	20 – 21 April 2024
5.	Program Audit Dalaman	27 Mei – 10 September 2024

BIL.	PROGRAM	TARIKH
6.	Mesyuarat Kerja Perbincangan Berkenaan Persediaan Deraf Prosedur Kualiti Skop Baharu MS ISO 9001:2015 Bahagian Cukai Dalam Negeri	11 – 13 September 2024
7.	Mesyuarat Perbincangan Deraf Terakhir Berkenaan Prosedur Kualiti - Permohonan Klasifikasi Barangan (NKB) MS ISO 9001:2015	18 September 2024
8.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	22 Oktober 2024
9.	Mesyuarat Persediaan Prosedur Kualiti Bahagian CDN	27 November 2024
10.	Kelulusan Deraf Prosedur Kualiti Bahagian CDN daripada TKPK (P)	12 Disember 2024

Audit Dalaman telah berlangsung selama lima (5) bulan melibatkan 18 lokasi. Juraudit yang terlibat adalah seramai empat (4) pegawai dari Urusetia Induk Ibu Pejabat. Hasil daripada audit dalaman telah dibentangkan pada MKSP bertarikh 22 Oktober 2024 yang dihadiri oleh semua Pengarah Kastam Negeri (PKN).

Kelancaran program-program di bawah MS ISO 9001:2015 di JKDM adalah hasil kerjasama daripada semua pihak terutamanya Pengurusan Tertinggi JKDM, pegawai-pegawai daripada Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Bahagian Perkhidmatan Teknik, Bahagian Perkastaman, Cawangan Integriti dan Urusetia-Urusetia Ibu Pejabat dan Negeri/ Stesen.

Terima kasih diucapkan atas komitmen yang tinggi dan berterusan daripada semua pihak ke arah pelaksanaan pensijilan dan penyeragaman MS ISO 9001:2015 JKDM.

PENSIJILAN OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN BHD TAHUN 2024



SIJIL

SIRIM QAS International dengan ini mengesahkan bahawa



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO.3, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62596 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA



telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang mematuhi



ISO 9001:2015
QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS – REQUIREMENTS



Skop Pensijilan

- 1) PENGURUSAN PENGKLASIFIKASIAN BARANGAN;
- 2) PENGURUSAN LATIHAN DAN PEROLEHAN (PEMBELIAN TERUS);
- 3) PENGURUSAN LESEN GUDANG PENGILANGAN BERLESEN (GPB).

(RUJUK ANNEX UNTUK SITE & SKOP PENSIJILAN)



Tarikh dikeluarkan	: 13 Disember 2022
Tarikh asal pensijilan	: 02 Mac 2007
Tarikh luput	: 01 Mac 2025
No. sijil	: QMS 01688

Nur Fadhilah Muhammad
Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
(Co. No. 199601037981) (410334-X)
1, Persiaran Dato' Menteri
Section 2, P. O. Box 7039
47100 Shah Alam
Belangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel : 603-55440404
Fax : 603-55440357
<http://www.sirim-qas.com.my>
<http://www.malaysiancertified.com.my>

Penggunaan sijil ini terikat kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti tertera dalam Perjanjian Pensijilan.

MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) TAHUN 2024



SEKSYEN PENYELIDIKAN SISTEM DAN PROSEDUR

Kajian Kepuasan Warga JKDM Ibu Pejabat

Kajian kepuasan warga JKDM bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan persepsi warga terhadap aspek kerja semasa, mengenal pasti dimensi yang banyak mempengaruhi kepuasan warga dan memberi cadangan penambahbaikan bagi tujuan meningkatkan kepuasan warga JKDM. Kajian ini telah dijalankan secara atas talian bermula 6 Mei 2024 sehingga 24 Mei 2024 dengan jayanya.

Seramai 12,350 responden atau bersamaan 87% populasi warga JKDM telah menjawab kajian tersebut di seluruh Malaysia. Terdapat 4 dimensi soalan dalam kajian tersebut meliputi tugas dan tanggungjawab, kemudahan jabatan, suasana persekitaran organisasi dan motivasi. Hasil kajian tersebut telah dianalisis oleh Ibu Pejabat dan negeri-negeri untuk tujuan penambahbaikan bagi meningkatkan kepuasan warga JKDM di stesen masing-masing.

Bagi Ibu Pejabat JKDM, seramai 1284 responden telah menjawab soal selidik tersebut. Purata tahap kepuasan warga Ibu Pejabat JKDM secara keseluruhannya adalah sebanyak 89% dan pecahannya adalah seperti berikut:

DIMENSI	PERATUSAN	
	YA (BERPUAS HATI)	TIDAK (TIDAK BERPUAS HATI)
Tugas dan tanggungjawab	94%	6%
Kemudahan jabatan	75%	25%
Suasana persekitaran organisasi	95%	5%
Motivasi	90%	10%
PURATA	89%	11%

Pembangunan Sistem Kajian Kepuasan Pelanggan JKDM

Pembangunan Sistem Kajian Kepuasan Pelanggan merupakan hasil kerjasama antara SPSP, Bahagian Perancangan Korporat (BPK) dan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) dalam menyediakan sistem kajian ini pada tahun 2024. Sistem ini dibangunkan selaras dengan objektif *Malaysian Government Performance Index (MyGPI)* untuk menilai prestasi agensi dalam aspek pengurusan organisasi dan pendigitalan perkhidmatan, melalui tadbir urus yang baik ke arah reformasi sektor awam.


Jawatankuasa pembangunan sistem ini melibatkan pegawai BPK, BTM, serta pegawai-pegawai Negeri yang terlibat dalam pelaksanaan kajian umum pada setiap tahun. Beberapa fasa penting termasuk mesyuarat kerja, bengkel, proses pengharmonian soal selidik, serta pembangunan reka bentuk dan prototaip telah dilaksanakan dengan jayanya. Pembentangan pembangunan sistem ini diadakan pada 12 Disember 2024 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan), Tuan Mohd Daud bin Mohd Arif. Hasil daripada pembangunan sistem ini, penyelarasan Kajian Kepuasan Pelanggan (luaran dan dalaman) yang dilaksanakan oleh SPSP, unit ISO, serta semua Zon/Negeri/AKMAL/PCKP akan diselaraskan menggunakan sistem yang sama bermula tahun 2025.

Pembangunan Sistem Kajian Persepsi Masyarakat

Sistem Kajian Persepsi Masyarakat dibangunkan hasil kerjasama antara SPSP, Bahagian Perancangan Korporat dan Bahagian Teknologi Maklumat pada tahun 2024. Pembangunan sistem ini sejajar dengan objektif *Malaysian Government Performance Index (MyGPI)* yang bertujuan menilai prestasi agensi dalam pengurusan organisasi dan pendigitalan perkhidmatan, selaras dengan amalan tadbir urus yang baik untuk merealisasikan reformasi sektor awam.

Proses pembangunan sistem ini telah merangkumi beberapa fasa utama, antaranya mesyuarat kerja, bengkel, pengharmonian soal selidik, pembangunan reka bentuk serta prototaip telah berjaya dilaksanakan. Pembentangan mengenai pembangunan sistem ini telah diadakan pada 12 Disember 2024 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan), Tuan Mohd Daud bin Mohd Arif.

Pembangunan sistem kajian ini telah menghasilkan sebuah platform berasaskan web yang lebih sistematik dan mesra pengguna sebagai pengganti kepada platform terdahulu. Selain itu, sistem ini juga memperkenalkan automasi dalam proses analisis data dan pelaporan yang mempercepatkan pemprosesan maklumat serta meningkatkan ketepatan laporan. Secara keseluruhannya, pembangunan sistem ini meningkatkan kecekapan analisis kajian dengan mengurangkan kebergantungan kepada kaedah manual, serta memastikan akses data yang lebih cepat, mudah untuk tujuan analisis dan sebagai rujukan masa hadapan.



Paparan Interface dalam sistem bagi Kajian Kepuasan Pelanggan JKDM dan Kajian Persepsi Masyarakat



Paparan Dashboard urus setia dalam sistem bagi Kajian Kepuasan Pelanggan JKDM dan Kajian Persepsi Masyarakat

Cadangan Pakaian Kerja Baharu (Polo Shirt) di Bahagian Perkastaman dan Bahagian Penguatkuasaan JKDM

Kertas cadangan ini disediakan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mengenai pemakaian Pakaian Kerja Baharu (PKB) daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan (MOF), berikutan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pakaian Seragam Jabatan Kastam Diraja Malaysia Bil. 1/2023 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kastam pada 12 Jun 2023. Mesyuarat tersebut telah bersetuju sebulat suara untuk cadangan pemakaian pakaian khas bagi pegawai yang bertugas di lapangan, dengan tujuan untuk mewujudkan elemen keselesaan dan keseragaman bagi memastikan mereka dapat bekerja dengan lebih proaktif dan selamat.

Pemerhatian telah dilaksanakan terhadap 5 Negeri/ Stesen iaitu Perlis, Kelantan, Selangor, LTA Kuala Lumpur (KLIA) dan Johor. Hasil pemerhatian mendapati pakaian yang dipakai oleh pegawai yang bertugas di lapangan adalah tidak selesa kerana material kain yang tebal dan panas yang mana boleh menyebabkan ketidakselesaan dan menjejaskan kesihatan mental dan fizikal pegawai. Selain itu, kualiti kerja turut terjejas disebabkan pakaian yang digunakan tidak bersesuaian dengan cuaca dan persekitaran yang panas.

Susulan itu, satu kertas cadangan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia pada 12 Julai 2024. Kertas cadangan ini merangkumi analisis isu yang dihadapi, cadangan spesifikasi pakaian, serta tatacara pemakaian. Pakaian kerja baharu ini diutamakan untuk pegawai JKDM yang bertugas di lapangan, seperti pemeriksaan kargo di pelabuhan, pemeriksaan bungkusan di pusat mel dan kurier, pemeriksaan penumpang di kawasan terbuka atau tempat yang tidak berhawa dingin, serta pemeriksaan stor, khususnya di Bahagian Perkastaman dan Bahagian Penguatkuasaan.

Berdasarkan kertas cadangan tersebut, Kementerian Kewangan telah meluluskan perolehan pakaian kerja baharu (PKB) pada 20 Ogos 2024. PKB yang diluluskan adalah baju *polo shirt* (kemeja T berkolar), sebagai tambahan kepada pakaian seragam JKDM untuk pegawai di Bahagian Perkastaman dan Bahagian Penguatkuasaan.

Penambahbaikan Notis- Notis Kastam di Pintu Keluar/ Masuk Negara

Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kastam Se-Malaysia Bil. 103 yang diadakan pada 7 November 2023, Pengarah Kastam Negeri Sarawak telah membangkitkan isu berkaitan papan tanda jabatan yang dianggap kurang menarik. Beliau mencadangkan agar reka bentuk papan tanda tersebut diubah kepada format infografik yang lebih visual dan mudah difahami berbanding format terdahulu yang memaparkan petikan undang-undang.

SPSP telah diarahkan oleh Pengarah Bahagian Perancangan Korporat untuk mengenal pasti reka bentuk papan infografik yang sesuai bagi menggantikan papan notis lama. Penambahbaikan ini bertujuan untuk meningkatkan penyampaian maklumat penting dengan lebih efisien kepada orang awam dan pelancong di pintu masuk dan keluar negara. Cadangan penambahbaikan bagi Notis Kastam ini hanya memberi tumpuan kepada dua kategori Notis Kastam yang dipamerkan di semua pintu masuk/ keluar negara iaitu:

- a) Larangan eksport.
- b) Kelayakan pengecualian duti kepada pelancong dan warganegara Malaysia.

Pemerhatian dengan bantuan Pegawai Perhubungan Awam (PPA) Negeri telah dilaksanakan di 10 Negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, LTA Kuala Lumpur, Johor, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Hasil pemerhatian mendapati papan tanda sedia ada tidak seragam dari segi warna, saiz dan kandungan serta kurang menarik dan menjejaskan keberkesanan dalam menyampaikan maklumat. Susulan itu, SPSP mencadangkan contoh reka bentuk papan tanda notis kastam dan telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kastam Se-Malaysia Bil. 105 pada 23 Julai 2024. Hasil daripada mesyuarat tersebut, YBhg. Dato' KPK telah bersetuju dengan cadangan reka bentuk Notis Kastam yang telah dibentangkan.



Reka Bentuk Notis Kastam Larangan Eksport



Reka Bentuk Notis Kastam Kelayakan Pengecualian Duti/Cukai kepada Pelancong dan Warganegara Malaysia

UNIT PEMODENAN DAN PEMBAHARUAN

Sepanjang tahun 2024, aktiviti UPP adalah seperti berikut :



Program *Authorized Economic Operator* (AEO) Nasional

- a) Mewujudkan platform untuk mengintegrasikan 43 agensi pengawal atur (OGA/PIA) dalam platform AEO.
 - Mengadakan mesyuarat/bengkel berkala bersama agensi pengawal atur berkaitan.
 - Membincangkan skop kerja bagi mengintegrasikan sistem AEO dan sistem OGA sedia ada.
- b) Memperluaskan skop AEO kepada pembekal perkhidmatan logistik dan operator gudang.
 - Menawarkan faedah/manfaat berkaitan fasilitasi perkastaman kepada pembekal perkhidmatan logistik dan operator gudang.

Pelan Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP)

Pelan Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan JKDM merupakan dokumen terhad yang menjadi rujukan tindakan sekiranya berlaku bencana atau gangguan bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan JKDM diteruskan dan meminimumkan kesan gangguan/bencana yang tidak dijangka.

- Pelan Tindakbalas Kecemasan (ERP - Emergency Response Plan) – Diketuai oleh BKPSM
- Pelan Pemulihan Bencana (DRP - Disaster Recovery Plan) - Diketuai oleh BTM
- Pelan Komunikasi Krisis (CCP -Crisis Communication Plan) – Diketuai oleh CPA, BPK

Sistem Makmal Kastam

Objektif projek adalah mewujudkan dan membangunkan Sistem Makmal Kastam yang dapat digunakan bagi tujuan permohonan analisa sampel dan keputusan analisa secara atas talian. Bagi melancarkan pengoperasian makmal kastam yang dijangka siap pada Tahun 2026

bertempat di Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) Melaka., Pembangunan Sistem Makmal Kastam telah dibangun dengan kerjasama antara Bahagian Perancangan Korporat, Bahagian Perkhidmatan Teknik, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Perkastaman dan Bahagian Penguatkuasaan.

Pada peringkat awal, makmal kastam akan memfokuskan kepada produk *E-cigarettes liquid / gel*, produk tembakau dan alkohol, *cooking wine*, dan minyak sawit bagi tujuan klasifikasi kod tarif barangan. Makmal kastam ini akan dikendalikan oleh pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang mempunyai latar belakang pendidikan kimia.

Pendigitalan Proses Kerja Kastam Pembangunan Sistem Ketetapan Kastam (KK) dan Pembayaran Balik (Refund) / Pulang Balik (Drawback)

Pendigitalan Proses Kerja Kastam Pembangunan Sistem Ketetapan Kastam (KK) dan Pembayaran Balik (Refund) / Pulang Balik (Drawback)_telah mendapat mandat daripada Pengurusan Tertinggi Jabatan agar pendigitalan prosedur dan proses kerja kastam dibangunkan secara *in-house*.

Tujuan pendigitalan Proses Kerja Kastam adalah untuk memudahkan pelanggan jabatan untuk membuat permohonan ketetapan kastam (KK) dan Pembayaran Balik (Refund) / Pulang Balik (Drawback) secara atas talian.

Pembangunan Sistem Makmal Kastam telah bermula pada Ogos 2024 dengan melibatkan kerjasama antara Bahagian Perancangan Korporat, Bahagian Perkhidmatan Teknik, Bahagian Teknologi Maklumat. Projek pembangunan sistem dijangka siap pada Julai 2025.

Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)

Perbincangan dan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) ke atas artikel dalam Protocol FCTC WHO. JKDM telah memaklumkan perundangan dan akta yang berkaitan berdasarkan artikel mengikut Akta dan Perundangan Jabatan serta tindakan yang boleh Jabatan lakukan berdasarkan artikel protokol pada 25 Mac 2025 kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

CAWANGAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

Cawangan ini bertanggungjawab mengerat dan memperkukuhkan hubungan dan kerjasama di antara Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan Pentadbiran Kastam Luar Negara supaya pertukaran maklumat perkastaman dapat dilaksanakan dengan berkesan selari dengan amalan perkastaman antarabangsa. Berdasarkan Pelan Tindakan Strategik Jabatan dibawah Pelan Tindakan Bahagian Perancangan Korporat, Cawangan Hal Ehwal Antarabangsa (CHEA) dipertanggungjawabkan di bawah teras-teras berikut:

TERAS 1: MEMPERKASAKAN TADBIR URUS DAN MEMPERKUKUHKAN INTEGRITI SECARA BERTERUSAN, STRATEGI 2: MEMPERKASAKAN HUBUNGAN DAN KERJASAMA JABATAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA MELALUI PROGRAM-PROGRAM BERIKUT:

- 1. Penglibatan Jabatan di dalam perjanjian atau konvensyen antarabangsa bagi memelihara kepentingan negara
- 2. Kerjasama antara pentadbiran Kastam Malaysia dan Kastam luar negara untuk menangani jenayah rentas sempadan
- 3. Mempengerusi/ Menganggotai jawatankuasa/ pasukan kerja peringkat antarabangsa
- 4. Pembentangan di dalam forum antarabangsa
- 5. Perkongsian maklumat dengan negara-negara anggota WCO dan ASEAN
- 6. Memperkasakan Kompetensi modal insan melalui program seperti seminar, bengkel, forum dan konvensyen di luar negara

TERAS 4: MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN MODAL INSAN & MEMPERKASAKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI, STRATEGI 1: MEMPERKASAKAN MODAL INSAN MELALUI PROGRAM BERIKUT:

- 1. Latihan-latihan luar negara

REKOD BERTUGAS KE LUAR NEGARA TAHUN 2024 MENGIKUT PECAHAN KATEGORI				
JENIS PROGRAM	PROGRAM TAJAAN	JKDM BAYAR	SEPARUH TAJAAN	JUMLAH KESELURUHAN PROGRAM
LATIHAN / BENGKEL / SEMINAR / PERSIDANGAN / STUDY VISIT	80	12	7	99
MESYUARAT / KUMPULAN KERJA / SENIOR OFFICIAL MEETING / BILATERAL / JK KASTAM (COMMITTEE) / FORUM	18	68	2	88
PENYEDIAAN KAPASITI SEBAGAI TRAINER / PENCERAMAH / PANEL	3	-	-	3

REKOD BERTUGAS KE LUAR NEGARA TAHUN 2024 MENGIKUT PECAHAN KATEGORI

JENIS PROGRAM	PROGRAM TAJAAN	JKDM BAYAR	SEPARUH TAJAAN	JUMLAH KESELURUHAN PROGRAM
LAWATAN KERJA	-	5	-	5
LAIN-LAIN	9	2	1	12
SEMUA PROGRAM				207

Nota:

Rekod diambil dari sampel kecil kelulusan yang dikemukakan melalui urusetia

Tidak termasuk program / aktiviti yang dibuat secara atas talian

PROGRAM YANG DIHADIRI OLEH KETUA PENGARAH KASTAM BAGI TAHUN 2024

NO SK	NAMA PEGAWAI	GRED	BHGN / CAW	TEMPAT	TARIKH	PROGRAM
004	DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN	TURUS III	KETUA PENGARAH KASTAM	TOKYO, JEPUN	05-09/02/24	OPENING CEREMONY OF REGIONAL INTELLIGENCE LIAISON OFFICE ASIA PACIFIC (RILO AP) DAN WCO ASIA PACIFIC REGIONAL HIGH LEVEL ROUNDTABLE ON ENHANCEMENT OF DATA/INTELLIGENCE ANALYSIS AND REGIONAL COOPERATION NETWORK
007	DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN	TURUS III	KETUA PENGARAH KASTAM	SINGAPURA	17-20/01/24	MENANDATANGANI DOKUMEN MRA-AEO ANTARA MALAYSIA DAN SINGAPURA, LAWATAN RASMI KE PEMUNGUT CUKAI KASTAM PERSEKUTUAN (PCKP) DAN KUNJUNG HORMAT KEPADA KETUA PENGARAH KASTAM SINGAPURA

PROGRAM YANG DIHADIRI OLEH KETUA PENGARAH KASTAM BAGI TAHUN 2024

NO SK	NAMA PEGAWAI	GRED	BHGN / CAW	TEMPAT	TARIKH	PROGRAM
053	DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN	TURUS III	KETUA PENGARAH KASTAM	SYDNEY, AUSTRALIA	13-19/04/24	INVITATION TO THE 25TH WORLD ORGANIZATION ASIA/ PACIFIC REGIONAL HEADS OF CUSTOMS ADMINISTRATION CONFERENCE
084	DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN	TURUS III	KETUA PENGARAH KASTAM	SHENZHEN, CHINA	07-11/05/24	THE 6TH WCO GLOBAL AEO CONFERENCE
088	DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN	TURUS III	KETUA PENGARAH KASTAM	PHU QUOC, VIETNAM	03-07/06/24	"MESYUARAT KETUA-KETUA PENGARAH KASTAM ASEAN KE 33 (33RD ASEAN DG MEETING)"
093	DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN	TURUS III	KETUA PENGARAH KASTAM	BRUSSELS, BELGIUM	25-30/06/24	143RD / 144TH SESSIONS OF THE CUSTOMS CO-OPERATION COUNCIL
188	DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN	TURUS III	KETUA PENGARAH KASTAM	BALI, INDONESIA	21-24/10/24	15TH BRUNEI DARUSSALAM-INDONESIA- MALAYSIA-PHILIPPINES EAST ASEAN GROWTH AREA (BIMP-EAGA) HEAD OF CUSTOMS MEETING
194	DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN	TURUS III	KETUA PENGARAH KASTAM	HONG KONG	09-13/12/24	THE INTERNATIONAL FORUM ON COMBATING MONEY LAUNDERING AND TRANSNATIONAL ORGANIZED CRIMES : CRIMINAL NETWORKS, TRADE DYNAMICS AND BEYOND

JANUARI 2024



**CLOSING CEREMONY AND FINAL
REPORTING OF THE 1ST JOINT
CUSTOMS CONTROL (JCC) OPERATION -
OPERATION STATIC (OPS STATIC)
24/1/2024**



**NATIONAL DAY RECEPTION OF
THE 75TH REPUBLIC DAY OF
INDIA ON 29/1/2024**



FEBRUARI 2024

**ASEAN- CANADA 7TH TRADE
NEGOTIATING COMMITTEE AND RELATED
MEETINGS, KUALA LUMPUR
26/2/2024**



**KETUA PENGARAH
KASTAM TERIMA
KUNJUNGAN
HORMAT DETECTOR
DOG PROGRAM,
AUSTRALIAN
BORDER FORCE
28/02/2024**



MAC 2024



**KETUA PENGARAH KASTAM
BELGIUM TERIMA
KUNJUNGAN HORMAT TYT
DUTA BESAR MALAYSIA
6/3/2024**

**4TH PLENARY SESSION OF THE
ASEAN-CHINA FREE TRADE AREA,
CUSTOMS PROCEDURES AND TRADE
FACILITATION WG
22/3/24**



APRIL 2024

**KUNJUNGAN HORMAT KEPADA YTH BAPAK OENTARTO
WIBOWO, DIREKTUR PUSAT DIDIKAN & LATIHAN
(PUSDIKLAT) BEA DAN CUKAI REPUBLIK INDONESIA**



**INVITATION TO THE 25TH WORLD
ORGANIZATION ASIAPACIFIC
REGIONAL HEADS OF CUSTOMS
ADMINISTRATION CONFERENCE
13-19/4/2024**



MEI 2024



**LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT
DARIPADA AUSTRALIAN BORDER FORCE
KEPADA KETUA CAWANGAN HAL EHWAL
ANTARABANGSA JKDM
3/5/2024**



**COURTESY CALL MR CRAIG
DICKHAUS, COUNTRY ATTACHE, U.S.
HOMELAND SECURITY
INVESTIGATIONS (HSI)
3/5/2024**




JUN 2024

**WCO'S COUNCIL, BRUSSELS
25-30/6/2024**



JULAI 2024

**KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN KETUA PENGARAH
KASTAM (PENGURUSAN) KE GENERAL ADMINISTRATION
OF CHINA CUSTOMS (GACC)
4/7/2024**



OGOS 2024

36th MEETING OF THE ASEAN CUSTOMS ENFORCEMENT & COMPLIANCE 6-8/8/2024



KUNJUNGAN HORMAT PESURUHJAYA TINGGI BRITISH KE ATAS KETUA PENGARAH KASTAM 7/8/2024



SEPTEMBER 2024

KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA MENGHADIRI MAJLIS 'RECEPTION IN HONOUR OF THE NEW ZEALAND PRIME MINISTER'

2/9/2024



KUNJUNGAN HORMAT WAKIL EUROPEAN ANTI-FRAUD OFFICE (OLAF) KE ATAS KETUA PENGARAH KASTAM 13/9/2024



OKTOBER 2024

**KUNJUNGAN HORMAT HIGH COMMISSIONER OF INDIA TO
MALAYSIA, H.E. MR. B.N. REDDY KE ATAS KETUA PENGARAH
KASTAM MALAYSIA
14/10/2024**



**15TH BRUNEI DARUSSALAM-
INDONESIA- MALAYSIA-
PHILIPPINES EAST ASEAN
GROWTH AREA (BIMP-EAGA)
HEAD OF CUSTOMS MEETING
21-24/10/2024**



NOVEMBER 2024

**KUNJUNGAN
HORMAT EUROPEAN
UNION –
ASSOCIATION OF
SOUTHEAST ASIAN
NATIONS BUSINESS
COUNCIL KE ATAS
KETUA PENGARAH
KASTAM
26/11/2024**



DISEMBER 2024

**THE INTERNATIONAL FORUM ON COMBATING
MONEY LAUNDERING AND TRANSNATIONAL
ORGANIZED CRIMES CRIMINAL NETWORKS,
TRADE DYNAMICS AND BEYOND
9-13/12/2024**



Cawangan Perhubungan Awam

Pelan Media dan Komunikasi Jabatan



MEDIA MASSA

- Temubual / Dialog Wawancara
- Sidang Media
- Siaran Media
- Liputan



11
Program temubual
sepanjang tahun 2024



10
Sidang media disampaikan
oleh Pengurusan tertinggi
Jabatan



33
Siaran media sepanjang
tahun 2024



10
Pameran diadakan
sepanjang tahun 2024



MEDIA SOSIAL

- Laman Web
- Facebook
- Instagram
- Twitter
- Tiktok



208
Hebahan dan kemaskini
melalui laman web rasmi JKDM



1098
Hebahan melalui saluran
Facebook rasmi JKDM



1087
Hantaran melalui saluran
Instagram rasmi JKDM



476
Hebahan melalui saluran "X"
rasmi JKDM



313
Hantaran melalui saluran Tiktok
rasmi JKDM



PENERBITAN

- Buletin / Majalah
- Liputan
- Laporan Tahunan



3
Penerbitan Buletin / Majalah
dan Laporan Tahunan



400
Liputan sepanjang tahun
2024




Mesyuarat Kerja Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam Pegawai Perhubungan Awam (PPA) Se-Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Tahun 2024 di Noble Resort Hotel, Melaka dari 1 hingga 3 Julai 2024

Pusat Panggilan Kastam (CCC)

Peranan Utama Pusat Panggilan Kastam

- Memberi khidmat nasihat dan konsultasi kepada pelanggan secara umum.
- Menerima panggilan dan emel yang melibatkan semua aktiviti utama jabatan iaitu cukai dalam negeri, perkastaman, perkhidmatan teknik, penguatkuasaan dan pertanyaan umum.
- Memastikan semua panggilan dan emel dijawab secara profesional serta mesra pelanggan dalam tempoh yang ditetapkan.



PANGGILAN




EHEL

PUSAT PANGGILAN KASTAM


1-300-888-500
03-7806 7200
ccc@customs.gov.my

BULAN	SALURAN PERTANYAAN		
	PANGGILAN	EHEL	JUMLAH PANGGILAN & EHEL
JAN	3644	1643	5287
FEB	3351	1592	4943
MAC	3147	3039	6186
APRIL	2487	2142	4629
MEI	3822	1974	5796
JUN	3649	1617	5266
JULAI	4039	1801	5840
OGOS	3858	1586	5444
SEPT	3694	1613	5307
OKT	3012	1349	4361
NOV	3183	1382	4565
DIS	3145	1274	4419
JUMLAH	41031	21012	62043

JUMLAH MENGIKUT SALURAN SEPANJANG TAHUN 2023



JUMLAH JENIS PERKHIDMATAN SEPANJANG TAHUN 2024





BAB 2:

KHIDMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

CAWANGAN KHIDMAT PENGURUSAN

Penganugerahan Pingat Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Penganugerahan pingat kepada pegawai di peringkat Ibu Pejabat telah diputuskan melalui Mesyuarat Panel Pemilihan Pingat Anugerah JKDM Tahun 2024 pada 17 Oktober 2024 yang dipengerusikan oleh Dato' Anis Rizana binti Zainuddin, Ketua Pengarah Kastam Malaysia.

Bilangan pegawai yang dianugerahkan pingat adalah seperti berikut:

- i. Pingat Cemerlang Kastam (P.C.K): 28 orang pegawai
- ii. Pingat Kebaktian Kastam (P.K.K): 1 orang pegawai
- iii. Pingat Kastam Antarabangsa (P.K.A): 4 orang pegawai
- iv. Pingat Kastam Berjasa (P.K.B): 7 orang pegawai

Penganugerahan Anugerah Pegawai Contoh bagi tempoh Januari hingga Jun Tahun 2024 peringkat Ibu Pejabat

Penganugerahan Anugerah Pegawai Contoh peringkat Ibu Pejabat bagi tempoh Januari hingga Jun Tahun 2024 telah diputuskan melalui Mesyuarat Panel Pemilihan Anugerah Pegawai Contoh peringkat Ibu Pejabat pada 12 September 2024 yang dipengerusikan oleh Tuan Mohd Daud bin Mohd Arif, Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan).

Bengkel Penetapan Sasaran Kerja Utama (SKU) JKDM Tahun 2024

Unit Pengurusan Prestasi dan HRMIS telah mengadakan Bengkel Penetapan Sasaran Kerja Utama (SKU) JKDM Tahun 2024 yang berlangsung selama 3 hari bermula 29 - 31 Januari 2024 bertempat di Dewan Semarak Jati, JKDM Ibu Pejabat.

Bengkel tersebut telah dihadiri seramai 150 orang pegawai yang terdiri daripada wakil pegawai dari semua Bahagian di Ibu Pejabat dan wakil pegawai JKDM Negeri.

Tujuan bengkel diadakan adalah untuk menetapkan Sasaran Kerja Utama (SKU) dan membangunkan Kamus SKU bagi memastikan kelancaran pengurusan penilaian prestasi Tahun 2024.



Taklimat Pengurusan Pingat JKDM & Anugerah Pegawai Contoh JKDM Tahun 2024

Unit Pengurusan Prestasi dan HRMIS telah mengadakan Taklimat Pengurusan Pingat JKDM & Anugerah Pegawai Contoh JKDM Tahun 2024 pada 5 Februari 2024 bertempat di Putra Lounge, JKDM Ibu Pejabat.

Taklimat tersebut yang telah dihadiri seramai 85 orang pegawai yang terdiri daripada wakil pegawai dari semua Bahagian di Ibu Pejabat, Ketua Bahagian KPSM JKDM Negeri dan wakil pegawai JKDM Negeri.

Tujuan taklimat diadakan adalah untuk memberi pendedahan berkaitan kriteria – kriteria penganugerahan Pingat Anugerah dan Pegawai Contoh, pengurusan majlis penganugerahan dan urusan pentadbiran oleh Pengurus Sumber Manusia.



Bengkel Penilaian Prestasi MyPerformance kepada Champion & Pentadbir Sasaran Kerja Utama (SKU) JKDM Ibu Pejabat

Unit Pengurusan Prestasi & HRMIS telah mengadakan Bengkel Penilaian Prestasi MyPerformance kepada Champion dan Pentadbir Sasaran Kerja Utama (SKU) JKDM yang berlangsung selama 2 hari bermula 9 Oktober 2024 hingga 10 Oktober 2024 bertempat di Putra Lounge, Aras 3 Selatan, JKDM Ibu Pejabat. Bengkel ini telah dihadiri seramai 80 orang pegawai Champion dan Pentadbir SKU JKDM Ibu Pejabat.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman yang lebih lanjut berkaitan SKU, penyemakan semula Kamus SKU Tahun 2024 yang telah ditetapkan, tata cara memuat naik Kamus SKU ke dalam sistem dan tata cara melaksanakan penilaian prestasi MyPerformance dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi memastikan kelancaran pengurusan prestasi bagi Tahun 2024.



Klinik HRMIS

Unit Pengurusan Prestasi & HRMIS telah mengadakan Program Klinik HRMIS pada 25 Jun 2024 bertempat di Makmal Komputer, Aras -1, JKDM Ibu Pejabat.

Program ini adalah terbuka kepada semua pegawai di JKDM Ibu Pejabat yang mempunyai permasalahan berkaitan sistem HRMIS seperti pengisytiharan harta, rekod peribadi, MyPortfolio, MyPerformance dan sebagainya.



Taklimat Penilaian Prestasi Kompetensi Fungsian JKDM Tahun 2024

Unit Pengurusan Prestasi & HRMIS telah mengadakan Taklimat Penilaian Prestasi Kompetensi Fungsian JKDM Tahun 2024 secara *dual* iaitu secara maya dan secara fizikal bersama semua JKDM Negeri dan Bahagian di JKDM Ibu Pejabat.

Taklimat secara maya telah berlangsung mulai 16 Disember 2024 hingga 19 Disember 2024 mengikut jadual yang telah ditetapkan. Manakala, secara fizikal pula telah diadakan pada 20 Disember 2024 bertempat di Putra Lounge, Aras 3 Selatan, JKDM Ibu Pejabat.

Taklimat secara fizikal telah dihadiri seramai 90 orang pegawai terdiri daripada *Champion* dan Pentadbir SKU JKDM Ibu Pejabat dan wakil KPSM JKDM Zon Tengah (Unit I, Unit II, Unit III dan Unit IV).

Taklimat ini diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman yang lebih lanjut berkaitan elemen prestasi kompetensi fungsian, tata cara memuat naik Kamus Kompetensi Fungsian ke dalam sistem melalui Sub Modul Data Perjawatan - Kompetensi Fungsian dan tatacara melaksanakan penilaian prestasi kompetensi fungsian bagi memastikan kelancaran pengurusan prestasi bagi Tahun 2024.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia Ke Arah Pendigitalan Pengurusan Rekod (*Digital Document Management System - DDMS*)

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007, Unit Kompetensi dan Pengurusan Rekod dengan kerjasama Kader Arkib di Kementerian Kewangan, Puan Siti Sapinah binti Rahman Oh telah mengadakan beberapa siri Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail bagi fail urusan am dan fungsian yang melibatkan bahagian-bahagian di Ibu Pejabat serta JKDM Negeri. Pembangunan Klasifikasi Fail ini penting sebagai pra syarat penggunaan DDMS di JKDM.

Pada 5 September 2023, pihak Arkib Negara Malaysia telah mengeluarkan surat kelulusan kepada Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia bagi Klasifikasi Fail Urusan Am dan Fungsian.

Selanjutnya sesi latihan penggunaan aplikasi DDMS 2.0 kepada pegawai di Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia telah berlangsung selama 3 hari bermula pada 4 Disember 2023 hingga 6 Disember 2023.

Penggunaan aplikasi DDMS 2.0 secara rasmi untuk Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia telah bermula dengan Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia pada 26 Disember 2023 dengan melaksanakan fail urusan am terlebih dahulu.

Pada 5 Februari 2024 sehingga 8 Februari 2024, sesi latihan penggunaan DDMS 2.0 kepada pegawai di bahagian-bahagian Ibu Pejabat telah diadakan dan diikuti sesi latihan secara khusus kepada pegawai di cawangan dan unit-unit di Ibu Pejabat seperti jadual di bawah :

BIL	BAHAGIAN	TARIKH
1.	Bahagian Cukai Dalam Negeri	15 Februari 2024
2.	Bahagian Pematuhan	27 Februari 2024
3.	Bahagian Penguatkuasaan (Cyberjaya)	28 Februari 2024
4.	Cawangan Siasatan Khas	29 Februari 2024
5.	Bahagian Perkhidmatan Teknik	1 Mac 2024

Jadual 1 : Sesi Latihan Training of Trainer (TOT) DDMS



Jabatan Kastam Diraja Malaysia Ke Arah Pendigitalan Pengurusan Rekod (Digital Document Management System - DDMS)

Selepas kelulusan KF Urusan Am dan Fungsian Ibu Pejabat diberikan oleh Arkib Negara Malaysia dan penggunaan DDMS 2.0 di Ibu Pejabat dijalankan, Unit Kompetensi dan Pengurusan Rekod dengan kerjasama pegawai kader ARKIB di Kementerian Kewangan telah turun ke setiap JKDM Negeri bagi membantu pembangunan klasifikasi fail di JKDM Negeri.

Pembangunan klasifikasi fail ini dipandang serius oleh pengurusan Arkib Negara. Satu Bengkel Pembangunan Prasyarat Klasifikasi Fail ke Arah Pelaksanaan Sistem DDMS 2.0 Jabatan Kastam Diraja Malaysia bersama ARKIB Negara Malaysia telah diadakan pada 22-24 April 2024.

Selanjutnya Bengkel Klasifikasi Fail Urusan Am dan Fungsian di JKDM Negeri bermula seawal tahun 2023 sehingga akhir tahun 2024 seperti jadual di bawah:

BIL	JKDM NEGERI	TARIKH
1.	JKDM Sarawak	21-23 Ogos 2023
2.	JKDM Terengganu	24 – 26 Oktober 2023
3.	JKDM Pulau Pinang	7-9 November 2023
4.	JKDM Negeri Sembilan	29 Nov – 1 Dis 2023
5.	JKDM Perak	29 – 31 Januari 2024
6.	JKDM Kedah	13-15 Mei 2024
7.	JKDM WPKL	23-24 Mei 2024
8.	JKDM Johor	2-4 Julai 2024
9.	JKDM Perlis	9-11 Julai 2024
10.	JKDM Kelantan	6-8 Ogos 2024
11.	JKDM Selangor	19-21 Ogos 2024
12.	JKDM Pahang	10-12 September 2024
13.	JKDM Sabah	1-3 Oktober 2024
14.	JKDM KLIA	16-17 Oktober 2024
15.	JKDM Melaka	21-23 Oktober 2024
16.	JKDM Labuan	4-6 November 2024

Jadual 2 : Bengkel Klasifikasi Urusan Am dan Fungsian di JKDM Negeri

Sesi Pembelajaran Pengurusan Rekod

Pada 4 Jun 2024, Unit Kompetensi dan Pengurusan Rekod telah melaksanakan sesi pembelajaran dan perkongsian ilmu dengan pegawai dan kakitangan Cawangan Penguatkuasaan ABT di Cyberjaya berkenaan tata cara pengurusan rekod yang tepat; bermula dengan peringkat pembukaan fail sehingga penutupan fail dan tatacara kendalian fail terbuka dan terperingkat.

Sesi ini bertujuan untuk membantu warga Penguatkuasaan ABT memperbaiki pengurusan rekod jabatan mengikut tata cara dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia.



Kursus Profesionalisme Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ)

Unit Kompetensi dan Pengurusan Rekod bertanggungjawab dalam menyelaraskan pelantikan dan latihan kepada Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) di JKDM.

Kursus Profesionalisme Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) telah dilaksanakan pada 5 September 2024 bagi meningkatkan pengetahuan kepada PKJ dan PPKJ berkenaan kualiti dan tadbir urus keselamatan perlindungan di JKDM, melicinkan serta menambah kecekapan pengurusan keselamatan perlindungan. Para peserta terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan) selaku PKJ manakala semua Pengarah Bahagian dan Ketua Cawangan Integriti di JKDM Ibu Pejabat selaku PPKJ.

Ketua Jabatan merupakan individu yang bertanggungjawab sepenuhnya mengenai keselamatan di jabatannya dengan mengambil langkah keselamatan perlindungan selaras dengan Perenggan 31, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).



Sistem E-Peperiksaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Unit Kompetensi dan Pengurusan Rekod dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat Ibu Pejabat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah bersama-sama membangunkan Sistem E-Peperiksaan. Sistem ini bertujuan bagi memudahkan urusan permohonan menduduki peperiksaan yang dikendalikan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Sistem E-Peperiksaan ini telah digunakan sepenuhnya pada tahun 2024 oleh semua warga Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Pemprosesan Kad Kuasa Kastam

Unit Kompetensi dan Pengurusan Rekod juga bertanggung jawab menyediakan kad kuasa bagi pegawai lantikan baharu dan pegawai yang dinaikkan pangkat. Proses pengambilan gambar kad kuasa untuk pegawai-pegawai yang menerima kenaikan pangkat boleh dilaksanakan samada di negeri atau secara datang terus (*walk-in*) ke Ibu Pejabat Putrajaya.



Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

BIL.	MESYUARAT	TARIKH
1.	Mesyuarat MBJ 1/2024 (Bil 115)	19 Ogos 2024
2.	Mesyuarat MBJ 2/2024 (Bil. 116)	29 Oktober 2024
3.	Mesyuarat MBJ 1/2024 (Bil 117)	18 Disember 2024

Laporan Aktiviti Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Tahun 2024

Jabatan telah diarahkan untuk melaksanakan program amalan hidup sihat di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di mana program ini merupakan satu usaha kerajaan yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pelaksanaannya telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 7 Ogos 2020. Fasa Pelaksanaan ANMS ini adalah untuk tempoh 10 tahun dari tahun 2020 sehingga tahun 2030. Tujuan utama inisiatif ini adalah bagi mempromosikan amalan hidup sihat untuk meningkatkan kesejahteraan kesihatan rakyat jelata.

Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) merupakan satu tawaran baharu (*new deal*) kepada rakyat Malaysia dengan menggunakan pendekatan *Whole Of Government* dan *Whole of Society* yang bermatlamat menjadikan rakyat Malaysia sihat dari segi fizikal, mental dan sosial.

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia selaku urusetia induk ANMS jabatan telah merangka inisiatif, aktiviti serta isu berkaitan yang boleh menyumbang kepada matlamat ANMS seperti yang digariskan dalam kerangka Pelaksanaan ANMS.

ANMS mempunyai empat (4) teras utama iaitu seperti berikut:

TERAS: 1

Promosi Pembudayaan Hidup Sihat

Memupuk budaya hidup sihat dengan meningkatkan literasi kesihatan rakyat. Maklumat disediakan bagi meningkatkan literasi kesihatan dan membolehkan rakyat bertanggungjawab untuk membudayakan hidup sihat.

Pembudayaan hidup sihat dapat mengukuhkan daya ketahanan diri (imuniti diri) bagi mencegah penyakit.

TERAS: 2

Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan

Memudahkan rakyat akses kepada fasiliti dan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan. Fasiliti dan perkhidmatan disediakan bagi manfaat rakyat untuk meningkatkan kesihatan rakyat.

TERAS: 3

Kawalan Kesihatan Kendiri

Rakyat diperkasa dalam penjagaan kesihatan sendiri untuk pencegahan penyakit. Rakyat bertanggungjawab untuk menjaga kesihatan diri, keluarga, komuniti dan persekitaran sihat.

TERAS: 4

Kebersihan Persekitaran

Memupuk budaya kebersihan persekitaran untuk kesejahteraan kesihatan rakyat. Rakyat bersama-sama bertanggungjawab menjaga kebersihan persekitaran untuk memastikan persekitaran bersih dan bebas penyakit.

Pengurusan Majlis Jabatan

Pada tahun 2024, Bahagian KPSM telah menganjurkan beberapa majlis utama seperti berikut:

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU BERSAMA KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA PADA 3 JAN 2024

Bersempena tahun baharu 2024 dan 100 hari pentadbiran YBhg. Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin sebagai Ketua Pengarah Kastam Malaysia, telah berlangsungnya satu majlis amanat di Dewan Semarak Jati, Ibu Pejabat. Beliau menyeru agar pembudayaan amalan cekap, tangkas dan integriti (CTI) diutamakan dalam menjalankan amanah dan kuasa yang diberikan demi menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dan negara.



MAJLIS LIBAT URUS JKDM DENGAN PEMEGANG TARUH PADA 25 MAC 2024

YB Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Kewangan hadir ke Majlis Libat Urus Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bersama Pemegang Taruh Tahun 2024 bertempat di Dewan Semarak Jati, Ibu Pejabat JKDM Putrajaya. Turut hadir pada majlis ini adalah YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan).



MAJLIS AMANAT DAN RAMAH MESRA BERSAMA WARGA JKDM PADA 25 APRIL 2024

Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah mengadakan Majlis Amanat dan Ramah Mesra Warga Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia bersempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di perkarangan Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Putrajaya. Turut bersama bagi memeriahkan lagi majlis ini ialah dengan kehadiran YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta YBhg. Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay, Timbalan Ketua Polis Negara. Turut hadir ke majlis ini adalah wakil-wakil dari Pejabat Kedutaan, pegawai-pegawai Kementerian Kewangan, Barisan NGO Kastam serta warga Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia.



MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PENGUATKUASAAN & PEMATUHAN) PADA 2 MEI 2024

Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan) telah berlangsung pada 2 Mei 2024 bertempat di Dewan Seri Rampai, Aras 3, Ibu Pejabat JKDM di sini. Majlis Serah Tugas yang disaksikan oleh YBhg. Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin, Ketua Pengarah Kastam Malaysia dimulakan dengan upacara menandatangani dokumen serah terima tugas di antara YBhg. Dato' Sazali bin Mohamad dan YBrs. Tuan Ribuan bin Abdullah, Penolong Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan) yang bakal menjalankan tugas sebagai MTT Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan) mulai 3 Mei 2024. Majlis Serah Terima Tugas ini diadakan oleh kerana Dato' Sazali bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan) telah bertukar dan ditugaskan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Malaysia Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS).



MALAM ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2023 DAN JASAMU DIKENANG TAHUN 2024 PERINGKAT IBU PEJABAT PADA 12 OGOS 2024

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi Tahun 2023 dan Jasamu Dikenang Tahun 2024 peringkat Ibu Pejabat telah berlangsung dengan meriahnya di Dewan Utama, Bangunan Kementerian Kewangan, Putrajaya. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin, Ketua Pengarah Kastam Malaysia. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai tetamu kehormat. Seramai 114 orang penerima APC telah diraikan dalam majlis yang penuh gilang-gemilang ini dengan tema tradisional, memperlihatkan keindahan warisan budaya Malaysia. Selain itu juga, majlis ini turut meraikan seramai 24 orang pegawai daripada Ibu Pejabat dan AKMAL Melaka yang akan dan telah bersara pada tahun 2024.



CAWANGAN PERKHIDMATAN DAN LATIHAN

Perjawatan

Pada Januari 2024, bilangan pengisian jawatan di JKDM adalah sebanyak 13,687 berbanding dengan bilangan perjawatan yang diluluskan sebanyak 14,872 perjawatan. Dalam tempoh tahun 2024, bilangan pengisian telah bertambah sebanyak 554. Ini menjadikan pengisian perjawatan di JKDM sehingga 31 Disember 2024 adalah berjumlah 14,241 berbanding dengan bilangan perjawatan yang diluluskan iaitu sebanyak 14,872 perjawatan.

PERKARA	TAHUN 2024	
	JANUARI	DISEMBER
Perjawatan	14,872	14,872
Pengisian	13,687	14,241

Jadual 1: Perbandingan Pengisian dan Perjawatan bagi Bulan Januari dan Disember 2024

Pengambilan


Pada tahun 2024, JKDM telah melaksanakan tujuh (7) urusan pengambilan pegawai lantikan baharu dengan jumlah calon seramai **825** orang seperti di **Jadual 2**.

GRED JAWATAN	BILANGAN URUSAN PENGAMBILAN	BILANGAN CALON
Penguasa Kastam Gred WK41	2	139
Penolong Penguasa Kastam Gred WK29	2	19
Pembantu Penguasa Kastam Gred WK19	3	667
JUMLAH	7	825

Jadual 2: Bilangan Urusan Pengambilan JKDM Tahun 2024

Pelaksanaan urusan pengambilan pada tahun 2024 bertambah berbanding tahun sebelumnya disebabkan perubahan dasar kerajaan ke arah pengisian penuh skim perkhidmatan Kastam. Perbandingan urusan pengambilan lantikan baharu untuk tahun 2021 hingga tahun 2024 adalah seperti di **Carta 1**.

PERBANDINGAN URUSAN PENGAMBILAN PEGAWAI LANTIKAN BAHARU BAGI TAHUN 2021 HINGGA TAHUN 2024



Carta 1: Perbandingan Urusan Pengambilan Pegawai Lantikan Baharu untuk Tahun 2021 hingga Tahun 2024




Urusan Pasca Perkhidmatan

Bagi tahun 2024, Unit Pengambilan dan Perkhidmatan telah memproses 218 urusan persaraan pegawai dari semua gred yang berkhidmat di JKDM. Dalam usaha menghargai jasa dan sumbangan pegawai yang bersara tersebut, Ibu Pejabat telah meraikan seramai 24 orang pegawai dari Ibu Pejabat dan Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) dalam Majlis Persaraan bertemakan “Jasamu Dikenang” yang telah diadakan di Dewan Utama, Kementerian Kewangan Malaysia pada 12 Ogos 2024. Manakala 194 pesara bagi negeri lain diraikan di peringkat negeri masing-masing. Kedudukan pegawai bersara tahun 2024 adalah seperti **Jadual 3** dan perbandingan jumlah pesara untuk tahun 2022 sehingga 2024 adalah seperti di **Carta 2**.

JENIS PERSARAAN	PENGURUSAN TERTINGGI	KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL	KUMPULAN SOKONGAN & GUNASAMA	JUMLAH
Wajib	5	37	99	141
Pilihan	0	9	32	41
Meninggal Dunia	0	6	24	30
Atas Sebab Kesihatan	0	0	6	6
JUMLAH	5	52	161	218

Jadual 3: Bilangan Urusan Pasca Perkhidmatan JKDM Tahun 2024




Carta 2: Perbandingan Jumlah Pesara bagi Tahun 2022 hingga Tahun 2024

Urusan Menjalankan Tugas – Tugas (MTT) dan Penanggungungan Kerja

Urusan Menjalankan Tugas-Tugas (MTT) dan Penanggungungan Kerja bagi kekosongan jawatan dalam jabatan adalah penting demi memastikan kelangsungan tanggungjawab dan penyampaian perkhidmatan yang efisien. Pada tahun 2024, sebanyak 144 urusan MTT dan Penanggungungan Kerja telah di proses untuk kelulusan. Dari jumlah tersebut, 10 urusan MTT adalah bagi Pengurusan Tertinggi Jabatan, 64 urusan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 70 adalah bagi urusan Kumpulan Sokongan dan Gunasama. Urusan MTT dan Penanggungungan Kerja ini adalah bagi meneruskan tugas – tugas disebabkan kekosongan jawatan secara hakiki atau operasi, pegawai bercuti, bersara, dinaikkan pangkat dan berkursus. Maklumat terperinci bagi urusan MTT dan Penanggungungan Kerja ini adalah seperti **Jadual 4**.

JENIS PENANGGUGAN KERJA	PENGURUSAN TERTINGGI	KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL	KUMPULAN SOKONGAN & GUNASAMA	JUMLAH
Baru	8	47	29	84
Pelanjutan	2	16	23	41
Pelangkauan Melebihi Dua (2) Gred	0	1	18	19
JUMLAH	10	64	70	144

Jadual 4: Bilangan Urusan MTT dan Penanggungungan Kerja JKDM bagi Tahun 2024



Carta 3: Perbandingan Urusan MTT dan Penanggungungan Kerja bagi Tahun 2022 hingga Tahun 2024

Penempatan

Penempatan dan Pertukaran

Penempatan dan pertukaran merupakan fungsi pengurusan sumber manusia yang penting dalam Jabatan. Urusan penempatan dan pertukaran yang efisien akan membantu melahirkan pegawai yang berkemahiran, profesional dan berintegriti di samping meningkatkan produktiviti kecemerlangan Jabatan.

Pusingan Kerja

Selari dengan Surat Edaran Pelaksanaan Urusan Pusingan Kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 14 Mei 2024 dan ucapan YAB Perdana Menteri di dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-19 (MAPPA) Tahun 2024 yang menekankan mengenai pusingan kerja, Unit Penempatan mengambil perhatian serius serta komited terhadap pematuhan pusingan kerja yang hendaklah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan. Justeru, pada tahun 2024 Jabatan telah melaksanakan pusingan kerja terhadap pegawai-pegawai yang terlibat sebanyak **840 orang pegawai**. Jumlah ini juga adalah termasuk daripada pelaksanaan pusingan kerja bagi pegawai yang menyandang jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan sensitif serta jawatan bukan sensitif di JKDM.

Pertukaran Melalui Permohonan - Sistem eTukar

Sistem eTukar adalah sistem yang dibangunkan bagi memantau proses pertukaran pegawai dan telah diguna pakai oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia mulai Ogos 2019. Semua pegawai di bawah Jabatan yang ingin memohon pertukaran penempatan ke negeri atau wilayah asal adalah dikehendaki menggunakan sistem ini dengan mengisi maklumat pertukaran dan membuat permohonan pertukaran melalui sistem eTukar. Secara langsung juga, sistem ini dapat dilihat lebih adil, telus, berkesan, malahan bersistematik.

Pada tahun 2024, sebanyak 78 urusan penempatan dan pertukaran telah dilaksanakan melibatkan seramai 467 pegawai seperti di **Jadual 5**.

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	BIL. URUSAN	BIL. PEGAWAI
1.	Penguasa Kastam	47	247
2.	Pembantu Penguasa Kastam	20	203
3.	Lain-Lain Skim Perkhidmatan	11	17
JUMLAH		78	467

Jadual 5 : Bilangan Urusan Penempatan dan Pertukaran

Sebanyak 78 kali urusan pertukaran pegawai-pegawai yang memohon pertukaran melalui sistem eTukar telah dilaksanakan. Sepanjang tempoh tersebut, jumlah keseluruhan pegawai yang memohon melalui eTukar adalah melibatkan **601** orang pegawai. Sehubungan dengan itu, daripada jumlah tersebut, seramai **247** orang bilangan pegawai kanan bagi skim

Penguasa Kastam, **203** orang pegawai kastam yang terdiri daripada skim Pembantu Penguasa Kastam dan seramai **17** orang pegawai lain daripada Skim Perkhidmatan lain telah dilakukan pertukaran.

Pengukuhan Organisasi

JKDM dari semasa ke semasa berusaha menambah baik serta memantapkan lagi pengurusan dan pembangunan modal insan dalam usaha memastikan aktiviti teras jabatan dan sistem penyampaian perkhidmatan berjalan dengan lancar dan berkesan dalam mendepani persekitaran yang semakin mencabar.

Oleh itu, Unit Pembangunan Organisasi telah menyediakan kertas cadangan bagi menambah baik struktur organisasi JKDM dan juga memperluaskan struktur kemajuan kerjaya pegawai. Sehubungan dengan itu, cadangan yang telah dikemukakan ke agensi pusat adalah seperti di **Jadual 6**.

BIL	KERTAS CADANGAN	STATUS
1.	Cadangan Penyusunan Semula Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)	Masih dalam tindakan agensi pusat
2.	Cadangan Perjawatan Pelabuhan Kuantan, Pahang	Kelulusan perjawatan secara pindah butiran
3.	Cadangan Perjawatan Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA)	Kelulusan perjawatan secara pindah butiran
4.	Cadangan Perjawatan Lapangan Terbang Pulau Redang, Terengganu	Kelulusan perjawatan secara pindah butiran
5.	Cadangan mewujudkan model perjawatan bagi pengoperasian mesin pengimbas dan pertambahan perjawatan baharu bagi melaksanakan perluasan fungsi pengoperasian mesin pengimbas JKDM di seluruh Malaysia	Masih dalam tindakan agensi pusat
6.	Permohonan pindah butiran perjawatan (<i>Redeployment</i>) kerana perpindahan fungsi pengoperasian kargo DHL dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) Subang di Unit II, Zon Tengah ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Unit III, Zon Tengah di bawah Pentadbiran JKDM Zon Tengah	Masih dalam tindakan agensi pusat
7.	Permohonan perjawatan baharu bagi fasiliti baharu fasa 1 JKDM	Masih dalam tindakan agensi pusat
8.	Cadangan penubuhan Cawangan Makmal, Bahagian Perkhidmatan Teknik, JKDM	Masih dalam tindakan agensi pusat

BIL	KERTAS CADANGAN	STATUS
9.	Cadangan mewujudkan model perjawatan bagi pengoperasian lokap JKDM dan penambahan perjawatan baharu bagi melaksanakan fungsi baharu pengoperasian lokap JKDM	Masih dalam tindakan agensi pusat
10.	Cadangan permohonan perjawatan JKDM bagi fasiliti baharu <i>Rapid Transit System</i> (RTS) di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Chagar, Johor dan ICQS Woodlands North, Singapura	Masih dalam tindakan agensi pusat

Jadual 6: Kertas Cadangan Bagi Penambahbaikan Struktur Organisasi JKDM

Unit Naik Pangkat

Pengurusan Kenaikan Pangkat

Urusan kenaikan pangkat adalah merupakan aspek penting pengurusan sumber manusia bertujuan untuk menghasilkan pegawai yang bermotivasi dan komited. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 87 urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat dilaksanakan melibatkan seramai 1,807 pegawai seperti di **Jadual 7**.

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	BIL. URUSAN	BIL. PEGAWAI
1.	Penguasa Kastam	40	1,039
2.	Penolong Penguasa Kastam	12	36
3.	Pembantu Penguasa Kastam	12	686
4.	Lain-Lain Skim Perkhidmatan (Gunasama dan Bukan Gunasama Agensi Luar)	15	28
5.	Lain-Lain Skim Perkhidmatan (Sokongan II)	8	18
JUMLAH		87	1,807

Jadual 7: Bilangan Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat

Unit Latihan

Unit Latihan memainkan peranan yang penting dalam usaha membangunkan sumber manusia dalam sektor awam khususnya di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi memastikan setiap pegawai Jabatan perlu melengkapkan diri dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian melalui program latihan yang terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran secara berterusan mengikut lima (5) strategi latihan JKDM yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Latihan
- ii. Koordinasi Peranan Latihan
- iii. Mengenalpasti Keperluan Latihan,
- iv. Kerjasama Latihan Dengan Agensi Luar
- v. Penilaian Keberkesanan Latihan.

Program Latihan/ Bengkel/ Kursus yang dilaksanakan sepanjang Tahun 2024 adalah melibatkan peringkat Jabatan, Agensi/ Jabatan lain, NGO, Swasta dan Antarabangsa, di mana Unit Latihan bertindak sebagai penyelaras bagi program-program yang dilaksanakan oleh Agensi/Jabatan lain seperti Kementerian Kewangan (MOF), Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Manakala di peringkat antarabangsa seperti *World Customs Organization* (WCO), *US Customs*, *Australia Border Force* (ABF) dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA). Selain daripada itu, Unit Latihan juga bertanggungjawab mengurus dan menyelaras bagi tugas-tugas seperti berikut:

- i. Permohonan serta penempatan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi bagi Program Latihan Industri.
- ii. Program Pementoran dan Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB).
- iii. Cuti Belajar (CBBPDB /CBBPTB/ CBTG).
- iv. Menyelaraskan Kontijen JKDM bagi majlis rasmi seperti Hari Kebangsaan, Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Paluan Berundur, Hari Kastam Sedunia dan juga Perbarisan Ulung.
- v. Program Nilai-Nilai Murni.

Program Latihan/ Bengkel/ Kursus Tahun 2024

Bagi tahun 2024, pelaksanaan program latihan/bengkel/kursus di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah dirancang berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan, PK7.1, dengan menggunakan peruntukan sedia ada. Program ini dilaksanakan bagi memastikan Pembangunan modal insan yang berterus dan selari dengan keperluan jabatan dalam meningkatkan pematuhan, kecekapan operasi, dan fasilitasi perdagangan.

Berdasarkan rekod pelaksanaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8, sebanyak 1,257 kursus telah dianjurkan di seluruh Malaysia. Pecahan jumlah kursus mengikut negeri dan pusat latihan adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	BILANGAN KURSUS
1	AKMAL	138
2	Johor	62
3	Kedah	21
4	Kelantan	41
5	KLIA	78

BIL	NEGERI	BILANGAN KURSUS
6	Labuan	34
7	Melaka	93
8	Negeri Sembilan	33
9	Pahang	29
10	PCKP	31
11	Perak	115
12	Perlis	42
13	Pulau Pinang	52
14	Sabah	30
15	Sarawak	30
16	Selangor	118
17	Terengganu	90
18	WPKL	81
19	Ibu Pejabat	139
JUMLAH		1257

Jadual 8: Program Latihan/ Bengkel/ Kursus Tahun 2024

Program latihan, bengkel dan kursus bagi tahun 2024 telah berjalan dengan jayanya dalam memastikan peningkatan kemahiran dan kecekapan pegawai JKDM. Keberkesanan program ini akan terus dipantau dan ditambah baik bagi memastikan ia selari dengan perkembangan semasa dan keperluan organisasi. Usaha berterusan dalam pembangunan modal insan akan terus menjadi keutamaan JKDM dalam memastikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti kepada negara.

Objektif Kualiti Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (Unit Latihan) MS ISO 9001:2015

Pada tahun 2024, seramai 12,381 pegawai JKDM, iaitu 88.68% daripada jumlah keseluruhan 13,961 pegawai yang diambil kira dalam pengiraan ini, telah menghadiri kursus melebihi tujuh (7) hari dalam tempoh satu tahun. Pencapaian ini selaras dengan Objektif Kualiti Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia di bawah Prosedur Pengurusan Latihan MS ISO 9001:2015, yang menetapkan bahawa sekurang-kurangnya 75% pegawai JKDM perlu menghadiri kursus selama tujuh (7) hari dalam tempoh setahun. Jumlah 13,961 pegawai yang diambil kira dalam analisis ini telah diselaraskan dengan mengambil kira kaveat tertentu, seperti pegawai yang sedang bercuti panjang, ditahan kerja atau perkara-perkara lain. Berikut merupakan pecahan peratusan pegawai yang telah menghadiri kursus melebihi 7 hari mengikut negeri:

BIL	NEGERI	% KEHADIRAN >7 HARI KURSUS
1	AKMAL	91.57
2	Johor	93.31
3	Kedah	98.98
4	Kelantan	88.37
5	KLIA	81.31
6	Wp Labuan	100.00
7	Melaka	91.10
8	Negeri Sembilan	96.34
9	Pahang	93.06
10	PCKP	100.00
11	Perak	97.73
12	Perlis	98.61
13	Pulau Pinang	79.22
14	Sabah	89.59
15	Sarawak	94.07
16	Selangor	81.90
17	Terengganu	88.48
18	WPKL	87.03
19	Ibu Pejabat	79.64

Jadual 9: Pecahan peratusan pegawai yang telah menghadiri kursus melebihi 7 hari

Pencapaian ini menunjukkan bahawa hampir semua negeri telah mencapai atau melebihi sasaran 75%, dengan beberapa negeri mencatatkan pencapaian 100% seperti WP Labuan dan PCKP. Peratusan yang tinggi ini mencerminkan komitmen pegawai JKDM dalam usaha meningkatkan kemahiran, kompetensi dan profesionalisme melalui program latihan berterusan, selaras dengan usaha jabatan dalam memastikan tenaga kerja yang berdaya saing dan berkualiti tinggi.

Cuti Belajar

Bagi Cuti Belajar yang meliputi Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB - HLP/HLL/PPKP) dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB), dan Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) melibatkan seramai **48 orang pegawai**, di mana 29 orang pegawai bagi CBBPDB, 8 orang pegawai bagi CBBPTB dan seorang pegawai bagi CBTG.

PERKARA	CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN BIASISWA (HLP/HLL/PPKP)	CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA	CUTI BELAJAR TANPA GAJI
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	36	10	-
Kumpulan Sokongan	1	-	1
JUMLAH	37	10	1

Jadual 9: Cuti Belajar

CAWANGAN PENGURUSAN KEWANGAN (CPK)

Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2024

Pada tahun 2024, peruntukan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) yang dipinda di bawah Bekalan 10 (B10) yang diterima oleh JKDM adalah berjumlah **RM1,363,831,559.36** yang merangkumi Dasar Sedia Ada (DSA) sebanyak **RM1,208,523,800.00**, Dasar Program Khusus (DPK) sebanyak **RM152,324,349.02**, Bahagian Cukai sebanyak **RM205,000.00** dan Bekalan 11 (B11) Perkhidmatan Am sebanyak **RM2,778,410.34**.

Waran peruntukan telah diterima daripada Kementerian Kewangan pada **5 Januari 2024** dan pengagihan waran kecil kepada semua Pusat Tanggung Jawab (PTJ) telah dibuat selaras dengan arahan Pekeliling Perbendaharaan (PP) yang mana pengagihan waran harus dilaksanakan sebelum 31 Januari setiap tahun.

Prestasi Perbelanjaan

Pada tahun 2024, JKDM telah membelanjakan sebanyak **109.01%** daripada keseluruhan peruntukan mengurus yang diterima iaitu sebanyak **RM1,486,723,655.20** daripada **RM1,363,831,559.36** merangkumi keseluruhan peruntukan diterima seperti jadual berikut:-

PROGRAM	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI (%)
Dasar Sedia Ada	1,208,523,800.00	1,331,733,014.14	110.20*
Dasar Program Khusus	152,324,349.02	152,007,867.02	99.79
Bahagian Cukai	205,000.00	204,363.70	99.69
Perkhidmatan Am	2,778,410.34	2,778,410.34	100.00
JUMLAH	1,363,831,559.36	1,486,723,655.20	109.01

* maklumat adalah berdasarkan data terkini sebelum pelarasan peruntukan oleh pihak Kementerian Kewangan (MOF)

JKDM sentiasa memastikan peruntukan ABM dibelanja berdasarkan unjuran dengan sasaran 95% Pusat Tanggung Jawab (PTJ) mencapai prestasi perbelanjaan sekurang-kurangnya 25% untuk suku pertama, 50% untuk suku kedua, 75% untuk suku ketiga dan 98% untuk suku keempat. Prestasi perbelanjaan tahun 2024 sebanyak **109.01%** telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2025

Anggaran Belanja Mengurus tahun 2025 Jabatan di bawah Bajet Berasaskan Keberhasilan (*Outcome Based Budgeting* - OBB) telah selesai disediakan pada **13 Mei 2024**.

Unjuran Keperluan Aliran Tunai Dan Laporan Perbelanjaan

Pada tahun 2024, empat (4) unjuran keperluan aliran tunai perbelanjaan mengikut suku tahun dan 12 laporan perbelanjaan secara bulanan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan seperti yang dikehendaki.

Kedudukan Bil Lewat Bayar

Bagi tahun 2024, terdapat hanya dua (2) bil lewat bayar melebihi 14 hari daripada keseluruhan 12,062 bil yang diproses, iaitu bersamaan 0.016%. Jumlah bil lewat bayar bagi tahun 2024 ini mencatatkan rekod yang paling rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya seperti berikut;

Tahun	2021	2022	2023	2024
Bil > 14 hari	35	5	6	2

Pembayaran di bawah AP58(a)

Adalah menjadi salah satu matlamat Pengurusan Kewangan Jabatan iaitu memastikan pembayaran di bawah AP58(a) berada di tahap paling minimum kerana bayaran di bawah AP58(a) boleh menjejaskan peruntukan tahun 2024.

Bagi tahun 2024 sebanyak **402** bil di bawah AP58(a) berjumlah **RM18,561,348.38** telah selesai dibuat pembayaran.

Memproses Perubahan Gaji (SG20)

Pada tahun 2024 sebanyak 1,973 perubahan gaji (SG20) bagi pegawai di PTJ Ibu Pejabat telah diproses.

Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA)

Pada tahun 2024, sebanyak **1,596** permohonan waran perjalanan udara untuk penerbangan dalam dan luar negeri telah berjaya dilaksanakan menjadikan purata penerbangan pegawai di Ibu Pejabat menggunakan kemudahan waran udara adalah 30 penerbangan setiap minggu.

Akaun Belum Terima Emolumen Terlebih Bayar (ABT ETB)

Sehingga November 2024, terdapat 124 kes ABT ETB tertunggak dengan nilai **RM1,470,661.14**. Dalam tempoh masa yang sama sebanyak 51 kes berjumlah RM1,055,044.09 telah diselesaikan, iaitu pengurangan nilai ABT ETB sebanyak 72%.

Perbandingan kes selesai ABT ETB antara tahun 2023 dan 2024 dengan bilangan kes selesai dan amaun ABT ETB selesai masing-masing menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya adalah seperti di berikut:

Tahun	2023	2024 (Jan-Nov)	Peningkatan
Bil. Kes Selesai	39	51	31%
Nilai Selesai (RM)	743,415.61	1,055,044.09	42%

Mesyuarat Jawatankuasa

Pada tahun 2024, CPK telah mengadakan empat (4) kali mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan pada tarikh seperti berikut:

Bil.	Mesyuarat JPKA	Tarikh Mesyuarat
1	Bil.1 Tahun 2024	19 Feb 2024
2	Bil.2 Tahun 2024	30 April 2024
3	Bil.3 Tahun 2024	2 September 2024
4	Bil.4 Tahun 2024	ovember 2024

Pada tahun 2024, CPK telah mengadakan empat (4) kali mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Aktiviti (APMC) selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan pada tarikh seperti berikut:

Bil	Mesyuarat APMC	Tarikh Mesyuarat
1	Bil.1 Tahun 2024	13 Mac 2024
2	Bil.2 Tahun 2024	13 September 2024
3	Bil.3 Tahun 2024	13 September 2024
4	Bil.4 Tahun 2024	27 September 2024

Pada tahun 2024, CPK telah mengadakan dua (2) kali Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah (KWA) Rokok dan Minuman Keras (Banderol) seperti berikut:

Bil	Mesyuarat KWA Banderol	Tarikh Mesyuarat
1	Bil.1 Tahun 2024	05 Julai 2024
2	Bil.2 Tahun 2024	18 Disember 2024

CAWANGAN PENGURUSAN PEROLEHAN

PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN JKDM

Di bawah *Rolling Plan* 3 (tahun 2024), Rancangan Malaysia Ke-12, JKDM telah diperuntukkan Anggaran Belanja Pembangunan (ABP) sebanyak RM48,173,780.00 bagi membiayai lapan (9) projek yang terdiri daripada lima (6) projek pembangunan fizikal dan tiga (3) projek pembangunan bukan fizikal seperti berikut:

Projek Pembangunan Fizikal

BIL.	NAMA PROJEK	STATUS
1.	Pembinaan Pejabat Kastam Pulau Pinang	Dalam Pembinaan
2.	Pembinaan Stor Rampasan Pejabat Penguatkuasaan Kuching, Sarawak	Penilaian oleh Lembaga Perolehan Jabatan Kerja Raya
3.	Pembinaan Blok Tambahan Pejabat Kastam Kangar, Perlis	Dalam Pembinaan
4.	Pembinaan Customs Examination Area (CEA) Kompleks ICQ Padang Besar, Perlis	Dalam Pembinaan
5.	Pembinaan Pontoon di Jeti Kastam Muara Tebas dan Jeti Kastam Jalan Gedong, Kuching, Sarawak	Kajian Tanah oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak
6.	Pembinaan Slipway di Kompleks Penguatkuasaan Kastam Sungai Pulai, Gelang Patah	Peringkat Perolehan (Proses Penilaian)

Projek Pembangunan Bukan Fizikal

BIL.	NAMA PROJEK	STATUS
1.	Sewa Beli Mesin Pengimbilas	Dalam proses sewaan dan pemasangan
2.	Pembangunan Sistem Cukai Dalam Negeri (MyCDN)	Peringkat Perolehan
3.	Perolehan Anjing Pengesan Dadah (APD) Jabatan Kastam Diraja Malaysia	Projek Telah Selesai

Sebanyak RM12,625,700.00 telah diperuntukkan dibawah Projek Pembangunan Fizikal, manakala sebanyak RM35,548,080.00 diperuntukkan dibawah Projek Pembangunan Bukan Fizikal. JKDM mencatatkan prestasi perbelanjaan Anggaran Belanja Pembangunan (ABP) sepenuhnya iaitu **96.37%** bagi tempoh berakhir 31 Disember 2024.

Prestasi pencapaian perbelanjaan Anggaran Belanja Pembangunan (ABP) berbanding peruntukan tahunan yang diluluskan adalah seperti berikut:

TAHUN		2024
Peruntukan Belanjawan Pembangunan		RM48,173,780.00
Perbelanjaan Belanjawan Pembangunan		RM46,425,434.16
% Perbelanjaan Belanjawan Pembangunan		96.37%

Selain daripada peruntukan bagi projek pembangunan (fizikal dan bukan fizikal), JKDM juga diberikan peruntukan khas bagi projek menyelenggara dan membaiki kuarters kastam sebanyak RM 50,000,000.00 bagi tahun 2024. Sebanyak RM 47,617,010.80 telah berjaya dibelanjakan bagi 126 projek penyelenggaraan dan pembaikan kuarters yang telah selesai dilaksanakan di seluruh negara.



Gambar Projek Pembinaan Customs Examination Area (CEA) Kompleks ICQ Padang Besar, Perlis



Gambar Projek Pembinaan Blok Tambahan Pejabat Kastam Kangar



Gambar Projek Pembinaan Pejabat Kastam Pulau Pinang

PEROLEHAN ANJING PENGESAHAN DADAH (APD)

Bagi tahun 2024, Cawangan Pengurusan Perolehan telah berjaya menyelesaikan perolehan bekalan Anjing Pengesan Dadah (APD) sebanyak 20 ekor dengan kos perolehan bernilai RM 1,904,184.00. Perolehan APD daripada Hyderabad, India ini merupakan baka jenis *Labrador Retriever* yang diberikan latihan khas untuk pengesanan dadah.

ADP ini telah menjalani kuarantin dan latihan penyesuaian selama 2 bulan daripada tarikh ketibaan ke dalam negara iaitu pada 7 Jun 2024 dan telah mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Ogos 2024. Agihan APD ni melibatkan 9 stesen JKDM di seluruh negara iaitu Ibu Pejabat, Johor Bahru, Padang Besar, Alor Setar, Langkawi, Butterworth, Rantau Panjang, Pengkalan Hulu, dan Kota Kinabalu.



PEROLEHAN MESIN PENGIMBAS BAHARU

Selaras dengan usaha jabatan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan di barisan hadapan, perolehan mesin pengimbas baharu pelbagai kategori secara sewaan telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2024. Perolehan perkhidmatan sewaan mesin pengimbas ini melibatkan kos perolehan sebanyak RM 90,354,641.16 dengan perincian seperti berikut:


BIL	JENIS MESIN PENGIMBAS	NILAI PEROLEHAN
1	7 unit Mesin Pengimbas bagasi di KLIA & KLIA2 (CX6040D X-Ray Inspection System, dual view dual-energy with AI Technology)	RM 5,866,237.16
2	8 unit Mesin Pengimbas Kargo Udara di LTA KLIA, Kuching, Kota Kinabalu dan Pulau Pinang (CX180180D X-Ray Inspection System with AI Technology)	RM 17,739,504.00
3	11 unit Mesin Pengimbas Badan di LTA dan Pintu Masuk Sempadan (TH1800 Terahertz Imaging Instrument)	RM 26,024,420.40
4	40 unit Mesin Pengimbas Bagasi (CX100100D X-Ray Inspection System, dual view dual-energy twith AI Technology)	RM 40,724,480.00
JUMLAH NILAI PEROLEHAN		RM 90,354,641.16



Gambar mesin pengimbas bagasi di KLIA dan KLIA2 model CX6040D



Gambar mesin pengimbas badan model TH1800 Terahertz



Gambar mesin pengimbas model CX180180D untuk 8 unit mesin pengimbas kargo udara dan 40 unit mesin pengimbas bagasi

KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN

Bagi tahun 2024, Kursus Pengurusan Perolehan telah diadakan sebanyak 2 kali. Kursus Pengurusan Perolehan Siri 1 telah diadakan pada 9 sehingga 11 Jun 2024 di Swiss-Garden Hotel & Residence, Genting Pahang yang melibatkan seramai 40 orang pegawai pelbagai

gred daripada Cawangan Pengurusan Perolehan Ibu Pejabat dan sebahagian Pusat Tanggungjawab (PTJ) Perolehan Negeri iaitu JKDM Zon Tengah (Selangor, WPKL, KLIA), Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah, Sarawak dan Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL)

Manakala Kursus Pengurusan Perolehan Siri 2 pula telah diadakan pada 1 sehingga 4 Oktober 2024 di AKMAL Langkawi. Kursus siri 2 ini telah dihadiri oleh seramai 36 orang pegawai pelbagai gred daripada JKDM Ibu Pejabat dan PTJ-PTJ Perolehan Negeri iaitu Perlis, Kelantan, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Perak dan AKMAL Langkawi.

Objektif utama kursus ini diadakan adalah untuk:

- (i) Membimbing Pegawai Perolehan setiap PTJ tentang pematuhan terhadap tatacara perolehan yang sedang berkuatkuasa dan meningkatkan tahap kecekapan terhadap peraturan dan pekeliling kerajaan bagi menjaga kepentingan kerajaan serta mengelakkan implikasi perundangan.
- (ii) Mengelakkan kerugian kepada kerajaan akibat kesilapan dalam melaksanakan tatacara perolehan.
- (iii) Memberi pendedahan kepada semua Pegawai Perolehan mengenai Pekeliling Perbendaharaan dan Arahan Perbendaharaan yang terkini.
- (iv) Mengelakkan kerugian kepada kerajaan akibat kesilapan dalam melaksanakan perolehan.
- (v) Memberi pendedahan kepada semua Pegawai Perolehan mengenai Pekeliling Perbendaharaan dan Arahan Perbendaharaan yang terkini.



Gambar Kursus Pengurusan Perolehan Siri 1



Gambar Kursus Pengurusan Perolehan Siri 2

CAWANGAN LOGISTIK

Laporan Kedudukan Aset Alih Jabatan Kastam Diraja Malaysia di dalam Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) sehingga 31 Disember 2024

Bagi tahun 2024, sebanyak 16,257 unit aset alih Jabatan telah direkodkan dengan jumlah keseluruhan nilai perolehan asal sebanyak RM20,747,913.50.

Jenis Aset	Kuantiti	Nilai Perolehan Asal (RM)
Harta Modal	1,750	15,450,723.41
Aset Alih Bernilai Rendah	14,507	5,297,190.09

Laporan Kedudukan Aset Hidup Haiwan sehingga 31 Disember 2024

Berikut adalah Laporan Kedudukan Semasa Aset Hidup Haiwan Jabatan yang telah direkodkan sepanjang tahun 2024:

Jenis Aset	Kuantiti	Nilai Perolehan Asal (RM)
Aset Hidup Haiwan (Anjing)	34	3,005,299.99

Laporan Kedudukan Stok bagi Stor Pusat dan Stor Utama JKDM sehingga 31 Disember 2024

Jabatan Kastam Diraja Malaysia mempunyai 1 Stor Pusat yang bertanggungjawab untuk membuat pembekalan stok kepada 38 Stor Utama Negeri/Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Secara keseluruhan, prestasi stor berada pada tahap cemerlang kerana berjaya mencapai kadar pusingan stok tahunan yang telah ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa iaitu sekurang-kurangnya empat (4) kadar pusingan.

Kategori Stor	Kadar Pusingan Stok (KPS)	Nilai Keseluruhan Stok Simpanan (RM)
1 Stor Pusat	4.78	3,833,903.62
38 Stor Utama	5.26	3,633,799.52

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Peringkat Jabatan

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Peringkat Jabatan telah diadakan setiap suku tahun selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa. Tarikh-tarikh pelaksanaan mesyuarat adalah seperti berikut:

BIL.	MESYUARAT JKPAK	TARIKH MESYUARAT
1.	Suku Pertama Tahun 2024	02 Mei 2024
2.	Suku Kedua Tahun 2024	29 Julai 2024
3.	Suku Ketiga Tahun 2024	05 November 2024
4.	Suku Keempat Tahun 2024	18 Februari 2024

CAWANGAN AKAUN

NAZIRAN DAN SEMAKAN DOKUMEN AKAUN TERIMAAN (DAT)

Penyemakan DAT

Semakan DAT terhadap 130 Pusat Tanggungjawab (PTJ) Pemungut JKDM di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan dalam tempoh 21 hari pada setiap bulan selepas DAT diterima bagi memastikan tata cara terimaan hasil dan lain-lain terimaan dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa selain mengelakkan berlakunya kehilangan wang awam akibat daripada penipuan atau kecuai. (Arahan Perbendaharaan 138)

Laporan Prestasi Penyemakan DAT Mengikut Suku Tahun :

PERKARA	SUKU 1 31 MAC	SUKU 2 30 JUN	SUKU 3 30 SEPT	SUKU 4 31 DIS
Jumlah DAT sepatutnya diterima	384	389	390	390
Jumlah DAT Sebenar Diterima	384	389	390	390
Jumlah DAT Disemak	384	389	390	390
Jumlah DAT Belum Diterima	-	-	-	-
Peratus Disemak Dalam Tempoh 21 Hari	100%	100%	100%	100%

Naziran Akaun Terimaan di PTJ Pemungut JKDM Berasaskan Pengurusan Kawalan Risiko

Menjalankan lawatan naziran ke atas PTJ Pemungut JKDM di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan bagi mengkaji, memeriksa dan menilai tahap kawalan dalaman sistem pengurusan terimaan yang dilaksanakan di PTJ Pemungut adalah mencukupi dan mematuhi polisi, prosedur, dasar dan peraturan yang telah ditetapkan.

Bilangan PTJ Pemungut Dilawati Mengikut Negeri:

Bil.	Negeri	Lawatan Naziran Terimaan di PTJ Pemungut JKDM	
		Tahun 2024	Tahun 2023
1.	W.P Kuala Lumpur	2	1
2.	W.P Putrajaya	2	-
3.	Selangor	1	-
4.	KLIA	1	-
5.	Kedah	-	2
6.	Terengganu	2	-
7.	Perlis	1	2
8.	Johor	6	9
9.	Pulau Pinang	2	-
10.	Perak	2	2
11.	Pahang	-	2
12.	Kelantan	2	-

Bil.	Negeri	Lawatan Naziran Terimaan di PTJ Pemungut JKDM	
		Tahun 2024	Tahun 2023
13.	Negeri Sembilan	-	-
14.	Melaka	-	1
15.	Labuan	-	2
16.	Sabah	4	3
17.	Sarawak	9	8
JUMLAH		34	32

Naziran Bayaran (Core Business) di PTJ Pembayar JKDM

Menjalankan lawatan naziran ke atas PTJ Pembayar JKDM di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan bagi memastikan proses pembayaran dibuat mematuhi tatacara kewangan yang berkuatkuasa.


Bilangan PTJ Bayaran Dilawati Mengikut Negeri :

Bil,	Negeri	Lawatan Naziran Bayaran di PTJ Pembayar JKDM	
		Tahun 2024	Tahun 2023
1.	W.P Putrajaya	1	-
2.	Selangor	-	-
3.	W.P Kuala Lumpur	-	-
4.	Perak	-	-
5.	Johor	-	1
6.	Melaka	-	-
7.	Negeri Sembilan	-	-
8.	Kedah	-	-
9.	Pulau Pinang	-	-
10.	Terengganu	-	-
11.	Kelantan	-	-
12.	Perlis	-	1
JUMLAH		1	2

PENGURUSAN PERAKAUNAN TERIMAAN HASIL UTAMA JKDM

Jumlah kutipan hasil keseluruhan JKDM yang telah diperakaunkan sehingga 31 Disember 2024 adalah sebanyak RM65,738,383,702.28 di mana RM65,575,286,264.00 terdiri daripada Hasil Cukai Tak Langsung dan RM163,097,438.28 terdiri daripada terimaan Hasil Bukan Cukai dan lain-lain. Komponen Hasil Cukai Tak Langsung yang menjadi penyumbang utama bagi kutipan hasil Jabatan adalah Cukai Perkhidmatan, Cukai Jualan, Duti Eksais, Duti Kastam, Levi dan Cukai Pelancongan. Pecahan mengikut amaun kutipan bagi 2024 adalah seperti di **Carta 1**.

PENYUMBANG UTAMA KOMPONEN HASIL CUKAI (RM)



Nota : Data dijana sehingga 8 Januari 2025

Pecahan Bagi Cukai Jualan (RM)

Cukai Jualan Atas Barang Perkilangan Dalam Negeri	8,239,002,722.85
Cukai Jualan Atas Barang Import	13,270,673,987.53
Jumlah Cukai Jualan	21,509,676,710.38

Pecahan Bagi Duti Eksais (RM)

Duti Eksais Tempatan	6,704,465,519.53
Duti Eksais Barangan Import	6,678,316,266.96
Jumlah Duti Eksais	13,382,781,786.49

Pecahan Bagi Duti Kastam (RM)

Duti Eksport	2,091,735,092.07
Duti Import	3,045,352,186.58
Duti Penumpang	27,150,354.32
Jumlah Duti Kastam	5,164,237,632.97

Pecahan Bagi Levi (RM)

Levi Pelepasan (Asean)	89,735,646.00
Levi Pelepasan (Non Asean)	279,811,850.00
Lain-lain Levi	1,588,881,321.35
Jumlah Levi	1,958,428,817.35

Selain terimaan hasil, selaras dengan Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST Bil. 6 Tahun 2019 yang diadakan pada 17 September 2019 telah memutuskan agar terimaan hasil GST Tempatan dan Import diakaunkan terus kepada Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST (KPWB GST). Baki Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST sehingga 31 Disember 2024 adalah sebanyak RM306,620,927.18.
(Data dijana sehingga 8 Januari 2025)

PENGURUSAN PERAKAUNAN BAYARAN

Pencapaian arahan pembayaran melalui sistem iGFMS bagi tahun 2024:

Bil	Bulan	Bilangan	Amaun (RM)
1	Januari - Mac	3,169	90,575,236.70
2	April - Jun	1,853	86,672,138.15
3	Julai - September	1,923	110,822,255.16
4	Oktober - Disember	1,922	55,453,258.85
JUMLAH		8,867	343,522,888.86

Secara keseluruhannya, pencapaian Arahan Pembayaran iGFMS bagi tahun 2024 secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) telah mencapai 100% pelaksanaan EFT.

Cawangan Akaun memproses bayaran melalui sistem MyGST bagi tahun 2024 seperti berikut:

KWPB : RM143,883,063.16
VOT – T : RM1,149,727.25



BAB 3: PERKASTAMAN

CAWANGAN FASILITASI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

GUDANG PENGILANGAN BERLESEN (GPB)

Lesen GPB dikeluarkan berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 65A Akta Kastam 1967. Secara prinsipnya, GPB adalah syarikat pengilang yang menghasilkan barang siap berorientasikan eksport di mana sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah nilai pengeluaran dalam tempoh 12 bulan hendaklah dieksport. GPB dibenarkan untuk menjual barang siap ke pasaran tempatan tidak melebihi 20%

Bilangan Syarikat Gudang Pengilangan Berlesen Bagi Tahun 2023 dan 2024 (sehingga 31 Disember 2024) mengikut negeri:

BIL	NEGERI	2023	2024
1	Perlis	1	1
2	Kedah	199	191
3	Pulau Pinang	517	538
4	Perak	65	67
5	Selangor	309	293
6	WPKL	130	80
7	KLIA	16	17
8	Negeri Sembilan	88	84
9	Melaka	71	71
10	Johor	657	700
11	Pahang	24	23

BIL	NEGERI	2023	2024
12	Terengganu	5	5
13	Kelantan	2	2
14	Sarawak	10	7
15	Sabah	3	4
JUMLAH		2,097	2,083

Penambahbaikan Prosedur Kerja

BIL	TARIKH	PERKARA
1.	Tiada	Tiada

Bengkel / Taklimat / Kursus yang dianjurkan

BIL	TARIKH	BENGKEL	TEMPAT
1.	14.05.2024 hingga 16.05.2024	Bengkel Kemaskini PTK Bil.27	JKDM Ibu Pejabat
2.	23.07.2024 hingga 25.07.2025	Bengkel Kemaskini PTK Bil.27	JKDM Ibu Pejabat
3.	20.08.2024 hingga 22.08.2024	Bengkel Kemaskini PTK Bil.27	JKDM Ibu Pejabat
4.	21.10.2024 hingga 23.10.2024	Bengkel Kemaskini PTK Bil.27	JKDM Ibu Pejabat

KEDAI BEBAS CUKAI (KBC)

Kedai Bebas Cukai (KBC) merupakan tempat yang dilesenkan oleh Ketua Pengarah Kastam di bawah seksyen 65D Akta Kastam 1967 untuk tujuan penjualan barang-barang berduti bebas cukai. Penjualan barang-barang tersebut adalah dibenarkan kepada pelancong luar negara dan warganegara Malaysia yang layak.

KBC ditubuhkan bertujuan untuk menyediakan fasilitasi kepada pelancong luar negara dan warganegara Malaysia yang layak menikmati pembelian barang-barang berduti bebas cukai. Terdapat lima (5) kategori KBC di Malaysia seperti berikut:

1. KBC Lapangan Terbang Antarabangsa
2. KBC Pelabuhan;
3. KBC Bandaraya;
4. KBC Dalam Negeri; dan
5. KBC Sempadan

Bilangan Syarikat dilesenkan sebagai KBC mengikut kategori dan negeri bagi tahun 2024:

NEGERI	KATEGORI KBC					JUMLAH
	LAPANGAN TERBANG	PELABUHAN	BANDARAYA	DALAM NEGERI	SEMPADAN	
Perlis	-	-	-	1	3	4
Kedah	-	-	-	3	-	3
Pulau Pinang	2	2	1	-	-	5
Perak	-	-	-	-	1	1
Selangor	-	2	-	2	-	4
WPKL	-	-	3	-	-	3
LTA Kuala Lumpur	42	-	-	2	-	44
Negeri Sembilan	-	-	-	-	-	-
Melaka	-	1	-	-	-	1
Johor	2	5	-	-	-	7
Pahang	-	-	-	-	-	-
Terengganu	-	-	-	-	-	-
Kelantan	-	-	-	-	-	-
Sarawak	1	-	-	-	2	3
Sabah	2	-	-	-	-	2
Jumlah	49	10	4	8	6	77

Berdasarkan Jadual diatas , terdapat 77 pemegang lesen Kedai Bebas Cukai di bawah Seksyen 65D Akta Kastam 1967. Daripada jumlah tersebut, 49 merupakan pemegang lesen KBC Lapangan Terbang, sepuluh (10) merupakan pemegang lesen KBC Pelabuhan, empat (4) merupakan pemegang lesen KBC Bandaraya, lapan (8) merupakan pemegang lesen KBC Dalam Negeri dan enam (6) merupakan pemegang lesen KBC Sempadan.

GUDANG BERLESEN

Lesen Gudang Berlesen dikeluarkan berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967 untuk menyimpan barang-barang yang dikenakan duti kastam dan barang-barang lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam.

Bilangan Gudang Berlesen (GB) Mengikut Negeri Dan Kategori Yang Dilesenkan Pada Tahun 2024:

BIL	NEGERI	GUDANG BERLESEN AWAM	GUDANG BERLESEN PERSENDIRIAN	GUDANG BERLESEN PEKEMA	JUMLAH
1	Perlis	5	6	0	11
2	Kedah	21	5	17	43
3	Pulau Pinang	13	2	2	17
4	Seberang Perai	34	4	19	57
5	Perak	3	1	11	15
6	Selangor	51	13	23	87
7	Subang	4	3	61	68
8	Klia	3	3	24	30
9	Negeri Sembilan	5	2	6	13
10	Melaka	3	1	8	12
11	Johor	24	12	43	79
12	Pahang	7	0	4	11
13	Terengganu	2	0	2	4
14	Kelantan	1	1	15	17
15	Sarawak	28	14	47	89
16	Sabah	14	7	14	35
17	WPKL	10	21	171	202
JUMLAH		228	95	467	790

Berdasarkan Jadual diatas, terdapat 790 pemegang lesen Gudang Berlesen di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967. Daripada jumlah tersebut, dua ratus dua puluh lapan (228) merupakan pemegang lesen GBA, Sembilan puluh lima (95) pemegang lesen GBP dan empat ratus enam puluh tujuh (467) pemegang lesen GB PEKEMA.

Penambahbaikan Prosedur Kerja

Bil	Tarikh	Perkara
1.	11.12.2024	Pindaan ke atas Perintah Tetap Kastam Bil 53 - Gudang Berlesen di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967 dan Panduan Pelaksanaan Standard Operating Procedure (SOP) Kawalan kastam ke atas kenderaan (Completely Built-Up) Import di Gudang Berlesen

Bengkel / Taklimat / Kursus yang dianjurkan

BIL	TARIKH	BENGKEL	TEMPAT
1.	27.02.2024 hingga 28.02.2024	Hand Holding Bersama PEKEMA peringkat Zon Tengah	Auditorium Tan Sri Abdul Khalil JKDM WPKL
2.	3.05.2024 hingga 6.05.2024	Taklimat berkaitan Gudang Berlesen PEKEMA kepada pegawai JKDM Sabah dan Sarawak	JKDM Sabah dan Sarawak
3.	03.05.2024 hingga 06.05.2024	Taklimat berkaitan Gudang Berlesen (GB) PEKEMA kepada Pemegang Lesen GB PEKEMA Sabah dan Sarawak	Pemegang Lesen GB PEKEMA Sabah dan Sarawak
4.	02.07.2024 hingga 04.07.2024	Kursus Kawalan Dan Audit Kedai Bebas Cukai (KBC) Anjuran Akademi Kastam Diraja Malaysia, Cawangan Langkawi	AKMAL Langkawi
5.	07.08.2024	Kursus Pengurusan Dan Kawalan Lesen Import Rokok, Tembakau Dan Minuman Keras (RMK)	Akmal Sarawak
6.	26.08.2024 hingga 29.08.2024	Bengkel Penyediaan Perintah Tetap Kastam Inland Clearance Depot (ICD)	Bilik Mesyuarat Utama, Bahagian Perkastaman, Aras 4 Utara, Presint 2, Putrajaya

AUTHORISED ECONOMIC OPERATOR (AEO)

Program AEO Peringkat Nasional.

Bagi tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024, pihak JKDM telah menganjurkan:

PROGRAM	JUMLAH
Webinar / Taklimat / Temu Seru (<i>Engagement</i>) Kepada Warga Jabatan / Kementerian / Jabatan / Agensi / Industri	20
Kursus AEO kepada <i>Account Manager</i> (AM) bertempat di AKMAL Melaka pada 6-10 Mei 2024 dan 22-26 Julai 2024.	2
Bengkel Bersama Industri / Agensi Pengawal Atur	8
Mesyuarat Jawatankuasa Induk Program Pematuhan AEO Bersepadu Peringkat Nasional	2
Sesi Awareness Program AEO kepada Industri	5

Bagi tahun 2024, sejumlah 17 syarikat telah mendapat pengiktirafan AEO yang menjadikan jumlah keseluruhan syarikat berstatus AEO adalah sebanyak 177 syarikat.

Bilangan syarikat yang diiktiraf sebagai AEO mengikut skop adalah seperti berikut:-

BIL.	NAMA SYARIKAT	SKOP
1.	Taiyo Yuden (Sarawak) Sdn. Bhd.	Pengimport, Pengeksport & Pengilang
2.	Best Eternity Recycle Technology Sdn. Bhd.	Pengimport & Pengeksport, Pengilang
3.	WWRC Malaysia Sdn. Bhd.	Pengimport & Pengeksport
4.	WWRC Ingredients Sdn. Bhd.	Pengimport & Pengeksport
5.	WWRC Urethanes Sdn. Bhd.	Pengimport & Pengeksport,
6.	Abu Saed Transport Sdn. Bhd.	Ejen Kastam
7.	Emerson Process Management Valve Automation (M) Sdn. Bhd.	Pengimport, Pengeksport & Pengilang
8.	Eastbond Logistics Sdn. Bhd.	Ejen Kastam
9.	Kamaya Electric (M) Sdn. Bhd.	Pengimport, Pengeksport & Pengilang
10.	Smart Modular Technologies Sdn. Bhd.	Pengimport, Pengeksport & Pengilang
3. MESYUARAT OPERASI BERSEPADU KHAZANAH

Tarikh : 20 Mei 2024

Tempat : Hotel Holiday Inn, Melaka

Aktiviti : Memberi khidmat nasihat, bantuan teknikal ICT serta peralatan audio video untuk Mesyuarat Operasi Bersepadu Khazanah yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kastam, Ketua Polis Negara dan Ketua Pengarah Perhilitan.



Bantuan Teknikal Mesyuarat Operasi Bersepadu Khazanah

4. MAJLIS PELANCARAN OPERASI KHAS BERSEPADU TRACE AND RECOVERY OPERATION 2.0 SIRI 2/2024

Tarikh : 12 Julai 2024

Tempat : Wisma Kastam, Melaka

Aktiviti : Melaksanakan aktiviti pemasangan peralatan audio dan video *Livestream* serta bantuan teknikal ICT untuk Majlis Pelancaran Operasi Khas Bersepadu *Trace and Recovery* yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan.



Bantuan Teknikal Majlis Pelancaran Operasi Khas Bersepadu Trace and Recovery Operation

5. PENGANTIAN VIDEO CONFERENCE

Tarikh : 5 November 2024
Tempat : Aras 10, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Putrajaya
Aktiviti : Menjalankan aktiviti pemantauan yang melibatkan kerja-kerja pemasangan set kelengkapan video oleh vendor seperti kamera, mikrofon, pembesar suara, rak dan lain-lain. bagi sistem persidangan video atas talian di Bilik Mesyuarat Eksekutif dan Bilik Mesyuarat Ketua Pengarah Kastam Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).



Bantuan Teknikal Pengantian Video Conference

6. PERSIDANGAN INTEGRITI SEMALAYSIA

Tarikh : 7 November 2024
Tempat : Hotel Scapes, Genting Highlands
Aktiviti : Melaksanakan bantuan teknikal ICT, menjalankan aktiviti pemasangan peralatan *Livestream* serta peralatan audio dan video untuk Persidangan Integriti SeMalaysia.



Bantuan Teknikal Live stream Persidangan Integriti SeMalaysia

PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN PENGUKUHAN KESELAMATAN SIBER JKDM

Perkhidmatan pengurusan dan pengukuhan Keselamatan Siber JKDM merupakan dasar keselamatan ICT bagi melindungi data dan maklumat JKDM daripada ancaman siber. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 8 program telah diadakan bagi memberi pendedahan dan menambah ilmu pengetahuan kepada pegawai-pegawai.

Program yang telah diadakan adalah:

1. PENGGANTIAN CORE SWITCH DAN ACCESS SWITCH DI KLIA

Tarikh : 10 Ogos 2024

Tempat : Pusat Data KLIA

Matlamat : BTM telah menganjurkan satu program bagi menaik taraf *core switch* di KLIA. Aktiviti yang dilakukan adalah menggantikan 2 unit *core switch* yang sedia ada dan 4 unit *access switch* di pusat data KLIA. Ia merupakan satu projek yang dinamakan "Project My GST" oleh syarikat Mesiniaga. Program ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai JKDM dari Unit URDK dan UPPD, BTM Ibu Pejabat.



Program penggantian core switch dan access switch di KLIA

2. MELAKUKAN KONFIGURASI SWITCH DI ICQS, BUKIT BUNGA, KELANTAN

Tarikh : 18 Jun - 21 Jun 2024.

Tempat : ICQS, Bukit Bunga, Kelantan

Matlamat : BTM telah mengadakan lawatan ke ICQS Bukit Bunga Kelantan bagi membaiki pulih rangkaian. Aktiviti yang dilakukan ialah menyemak kerosakan peralatan rangkaian, melakukan pembaikan serta pemulihan. Selain itu, melakukan konfigurasi switch yang baru dan pemasangan SFP module yang baru bagi semua Jabatan Kastam di ICQS, Bukit Bunga, Kelantan.



3. LAWATAN KE JKDM SIPITANG, SABAH

Tarikh : 14 Ogos - 15 Ogos 2024

Tempat : JKDM Sipitang, Sabah

Matlamat : Menggantikan switch bertempat di JKDM Sipitang, Sabah setelah menerima aduan tentang kerosakan internet dan penyelenggaraan internet.



4. MELAWAT TAPAK INFRASTRUKTUR DI WANG KELIAN

Tarikh : 29 Julai - 31 Julai 2024

Tempat : Pejabat Kastam Wang Kelian

Matlamat : Melawat tapak infrastruktur rangkaian di Pejabat Kastam Wang Kelian bagi persediaan cadangan pembukaan semula zon bebas Wang Kelian.



5. MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR BAGI PLATFORM *NETWORK-TO-NETWORK INTEGRATION (NNI)*

Tarikh : 19 Disember 2024

Tempat : Ibu Pejabat Putrajaya dan JKDM KLIA

Matlamat : Pasukan GITN bersama JKDM telah melaksanakan aktiviti menaiktaraf Infrastruktur MyGov*Net 2.0 bagi Platform *Network-to-Network Integration (NNI)* - 4J (JPJ, JKDM, JPN & JIM). Aktiviti ini merangkumi tindakan penambahbaikan dari segi polisi kawalan capaian, proses escalation dan juga reka bentuk platform NNI-4J.



6. POC FIREWALL PALO ALTO

Tarikh : 6 November 2024

Tempat : JKDM (Suasana PJH) Putrajaya

Matlamat : Sesi pembentangan penemuan POC telah diadakan pada 27 November 2024.



7. BENGKEL KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)

Tarikh : 19 Disember 2024

Tempat : Port Dickson, Negeri Sembilan

Matlamat : Bengkel Penetapan Skop ISO/IEC 27001:2022 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bagi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).



8. LAWATAN KE NEXAGATE GLOBAL SECURITY OPERATION CENTER (GSOC)

Tarikh : 19 November 2024
Tempat : Kuala Lumpur
Matlamat : Lawatan ke Nexagate Global Security Operation Center (GSOC).



PROGRAM PENINGKATAN DAN PENGUKUHAN KOMPETENSI INFRASTRUKTUR ICT JKDM

BTM sentiasa memberi tumpuan berkaitan program kompetensi pegawai. Sepanjang tahun 2024, lima (5) program berimpak tinggi yang telah dirancang dan dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, keselamatan, dan prestasi operasi, sekaligus menyokong transformasi digital dalam mengukuhkan sistem pengurusan perkhidmatan Kastam. Program tersebut adalah seperti berikut:

1. Penggantian Mainframe

Tarikh : Bermula 27 Jan 2024
Tempat : Pusat Data, Aras 5 Utara, BTM Ibu Pejabat JKDM Putrajaya
Matlamat : Penggantian perkakasan dan perisian *mainframe* NEC bagi Sistem Maklumat Kastam dari siri i-PX9800/A100 kepada i-PX AKATSUKI/A100 adalah untuk memastikan kesinambungan operasi percukaian perkastaman dan cukai dalam negeri berjalan dengan lebih lancar.





2. Naik Taraf Pusat Data di Putrajaya

Tarikh : Bermula Jun 2024

Tempat : Pusat Data, Aras 5 Utara, BTM Ibu Pejabat JKDM Putrajaya

Matlamat : Menaik taraf pusat data dengan penggantian sistem pemadam api FM200 termasuk kerja-kerja membuka siling dan kerja-kerja kekemasan di pusat data.





3. Kursus Pengurusan Pusat Data - Pengoperasian

Tarikh : 23 - 25 April 2024

Tempat : AKMAL Melaka

Matlamat : Matlamat kursus ini adalah untuk meningkatkan kemahiran pegawai berkaitan pengurusan Pusat Data, Bilik Server dan Bilik Telekomunikasi.



4. Pelaksanaan Pengujian Simulasi Disaster Recovery Center (DRC) bagi Sistem Levi Pelepasan (MyDLv)

Tarikh : 8 Oktober 2024

Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5 Utara, BTM Ibu Pejabat JKDM Putrajaya

Matlamat : Melaksanakan pengujian simulasi *Disaster Recovery Center* (DRC) bagi Sistem Levi Pelepasan (MyDLv) bagi memenuhi skop perkhidmatan kontrak penyelenggaraan sistem MyDLv.



5. Inspektorat Pemuatan Keselamatan Perlindungan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) di JKDM Zon Tengah Unit 1 (WPKL)

Tarikh : 9 Mei 2024

Tempat : JKDM Zon Tengah Unit 1 (WPKL) Kelana Jaya

Matlamat : Menilai tahap pemuatan keselamatan perlindungan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) terhadap Dasar Keselamatan Perlindungan, Keselamatan Fizikal, Keselamatan Rahsia Rasmi Dalam Persekitaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Keselamatan Peribadi dan Pengurusan Kesyinambungan Perkhidmatan di JKDM Zon Tengah Unit 1 (WPKL) termasuk pengoperasian Pusat Data JKDM Kelana Jaya yang beroperasi di premis JKDM Zon Tengah Unit 1 (WPKL).



SISTEM MAKLUMAT KASTAM (SMK)

Sistem Maklumat Kastam (SMK) adalah sistem yang telah dibangunkan pada tahun 1992 yang digunakan oleh JKDM bagi proses pengiklanan dan pembayaran duti/cukai kastam bagi pengimportan dan pengeksporan barangan dari/ke luar negara dan pengiklanan dan pembayaran bagi duti eksais bagi barangan tertentu yang dikilangkan oleh pengilang tempatan.


Terdapat beberapa pelaksanaan bagi modul-modul SMK pada tahun 2024 seperti berikut: -

- Manifes laut di dalam pengiklanan borang K3 di Pelabuhan Sepangar, Kota Kinabalu pada 24 Julai 2024 dan di Pelabuhan Senari, Kuching pada 11 September 2024 ; dan
- Manifes Udara di KLIA bermula awal November 2024.

Selain itu, terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2024 berkaitan SMK seperti berikut :

- Pelaksanaan migrasi Mainframe SMK daripada Mainframe ACOS4 kepada Mainframe Akatsuki pada 23 Mac 2024;
- Kerja - Kerja Penyelenggaraan Perkakasan *EDI-Communication System* (ECS) pada 13 Oktober 2024;
- Penyelenggaraan Pangkalan Data SMK (*Database Tuning*) pada 09 November dan 14 Disember 2024;
- Penambahbaikan ke atas SMK Bagi Pelaksanaan *ASEAN - China Free Trade Agreement* (ACFTA) yang berkuatkuasa pada 01 Januari 2025 dan pengujian pada 23 hingga 31 Disember 2024; dan
- Penglibatan Pasukan SMK di dalam Kajian Hala Tuju Sistem Perkastaman Jabatan Kastam Diraja Malaysia sepanjang tahun 2024.

Borang Kastam Elektronik (K1/K2/K3/K8/K9)



Statistik Pengiklanan Borang Kastam Secara Eletronik Tahun 2024

Software Performance Report (SPR)

Sebanyak 13 SPR telah dikeluarkan adalah bagi penambahbaikan ke atas SMK dan sub-sistem SMK selaras dengan keperluan sepanjang tahun 2024.


Modul Pengguna Sistem Maklumat Kastam (SMK)

Modul ini dibangunkan bagi menjana, memantau dan mengemaskini pengguna SMK. Pengguna yang aktif pada tahun 2024 adalah seramai 8,700 orang bagi SMK dan 1,498 orang bagi PCPOS SMK.

Sistem MyExcise

Sistem MyExcise adalah sistem atas talian yang disediakan untuk kemudahan pelesen dan pengilang eksais bagi pendaftaran syarikat, permohonan baru dan pembaharuan lesen Eksais, pengiklanan Borang Eksais No. 7 dan 8, pembayaran Duti Eksais Tempatan secara atas talian dan pelaporan. Setelah dilaksanakan bermula Mac 2023, pada tahun ini sistem telah ditambahbaik dan diselaraskan mengikut peraturan Eksais yang terkini. Sebanyak 4 penambahbaikan (SPR) telah dilaksanakan merangkumi modul *Valuation*, *Vehicle*, *Premix* dan *Payment (Direct Debit)*. Berikut merupakan aktiviti yang telah dilaksanakan pada 2024 :

- Lawatan Naziran dan Taklimat Fasa III – Perodua, Hong Leong Yamaha dan Honda
- Sesi Latihan bersama Pegawai *State Champion* – 2 Sesi
- Sesi Pengujian *Disaster Recovery Centre (DRC)*



Statistik Pengiklanan Borang Eksais Secara Elektronik Tahun 2024


Pengauditan Terhadap Approved Permit (AP) Dan Import Permit (IP) Gula, Besi Dan Keluli, Daging, Cili Serta Sisa Plastik

Jabatan Audit Negara (JAN) menjalankan pengauditan terhadap *Approved Permit* (AP) Dan Import Permit (IP) Gula, Besi Dan Keluli, Daging, Cili Serta Sisa Plastik untuk mendapat pemahaman jelas berkenaan dengan proses kerja import bagi komoditi tersebut yang berlaku dalam SMK. Di bawah adalah aktiviti sepanjang proses pengauditan:

- Sesi *walkthrough* untuk mendapat pemahaman jelas berkenaan proses kerja import bagi komoditi gula, besi dan keluli, daging, cili serta sisa plastik yang berlaku pada Sistem Maklumat Kastam (SMK);
- Penjanaan data pengikraran kastam yang melibatkan 5 komoditi tersebut bagi tahun 2020 sehingga April 2024;
- Perbincangan maklum balas pertanyaan audit mengenai pengurusan lesen import dan penemuan data bersama pihak Bahagian Perkastaman dan BTM; dan
- Cetakan skrin paparan SMK berdasarkan keperluan penemuan oleh pihak audit.

PORTAL WebCOR (*Customs Official Receipt*)

JKDM sentiasa menaiktaraf Portal WebCOR untuk kemudahan mencetak *Customs Official Receipt* (COR) dan *Customs Release Documents* (CRD) di premis pelanggan. Pelaksanaan projek ini dapat menjimatkan penggunaan sumber dan kos pengendalian Jabatan, membantu meminimakan pengeluaran resit rasmi serta mengurangkan kesesakan di kaunter JKDM.



Statistik Cetakan COR dan CRD di WebCOR Tahun 2024 di seluruh Malaysia

PENYAMBUNGAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SISTEM MAKLUMAT KASTAM (SMK)

Bagi memastikan pelaksanaan dan capaian SMK tidak terganggu, sistem ini perlu meneruskan penyambungan perkhidmatan penyelenggaraan. Perkhidmatan penyelenggaraan ini telah diluluskan bagi tempoh 48 bulan mulai 1 September 2023 sehingga 31 Ogos 2027 bagi skop seperti berikut:

- i. Perkhidmatan Penyelenggaraan Peralatan *EDI Communication Server (ECS)*, *Authorized Economic Operator (AEO)*, *Regional Computer Centre (RCC) Servers*, *state servers*, *Gate Control System (GCS)*, dan rangkaian;
- ii. Perkhidmatan Penyelenggaraan Perisian SMK;
- iii. Perkhidmatan Penyelenggaraan Aplikasi SMK, *MyExcise*, *AEO*, *GCS*, *ECS* dan *MySST*;
- iv. Perkhidmatan Penyelenggaraan bagi *PC/PCPOS/Slip Printer*;
- v. Perkhidmatan Penyelenggaraan bagi integrasi dalaman dan luaran SMK; dan
- vi. Perkhidmatan Penyelenggaraan *connectivity EDI Communication Server (ECS)* untuk *service provider Digital Free Trade Zone (DFTZ)*.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 3 latihan telah dijalankan di bawah projek ini seperti berikut :

1. Latihan Sistem Orbitcare (sistem Helpdesk bagi SMK) pada 30 Julai 2024;
2. Latihan Big Data Foundation pada 19 hingga 20 Ogos 2024; dan
3. Latihan Blockchain Fundamental pada 29 hingga 30 Ogos 2024.

Di bawah projek ini juga, pelaksanaan Security Posture Assessment (SPA) telah dijalankan untuk sistem AEO, MyOGA dan RMS bagi tahun 2024 seperti berikut :

Bil	Sistem	Skop kerja	Tarikh
1.	MyOGA	<i>Pre Assessment</i>	1 hingga 11 Oktober 2024
		<i>Hardening workshop</i>	18 November 2024
2.	RMS	<i>Pre Assessment</i>	14 hingga 25 Oktober 2024
		<i>Hardening workshop</i>	19 November 2024
3.	AEO	<i>Pre Assessment</i>	28 Oktober hingga 15 November 2024
		<i>Hardening workshop</i>	20 November 2024

Selain itu, beberapa projek *Industrial Collaboration Program (ICP)* dilaksanakan di bawah projek ini. Mesyuarat IWC (*ICP Working Committee*) telah berlangsung sebanyak 3 kali iaitu pada 17 Januari 2024, 25 Jun 2024 dan 17 Oktober 2024 bagi membincangkan projek-projek yang akan dilaksanakan.

ASEAN CUSTOMS TRANSIT SYSTEM (ACTS)

ACTS dibangunkan bagi memudahkan pergerakan dagangan rentas negara ASEAN melalui Perjanjian *ASEAN Framework Agreement On The Facilitation Of Goods In Transit (AFAFGIT)*. Sistem dan prosedur pelaksanaan ACTS dipantau oleh ASEAN Sekretariat dan dibincangkan di mesyuarat *Sub-Working Group (SWG) ACTS* yang diadakan secara berkala tiga (3) kali setahun. Manakala sebanyak 69 Mesyuarat bulanan ACTS telah diadakan bagi membincangkan pelaksanaan operasi ACTS bagi setiap negara ahli ASEAN.

Pada tahun 2024, sebanyak 334 pergerakan ACTS yang melibatkan negara Malaysia telah berjaya dilakukan.

No	Principal Traders	Negara terlibat	Jumlah Transit
1	Nippon Express (SG)	SG-MY-TH	247
2	Nippon Express (TH)	TH-MY-SG	1
3	Swift Crossland Logistics (TH)	TH-MY-SG	73
4	Amazing Logistics (KH)	KH-TH-MY	10
5	City Zone Express (MY)	MY-TH-LA-VN	3

Statistik Transit ACTS Melibatkan Negara Malaysia

Kursus *Procedural and Technical for ASEAN Customs Transit System (ACTS)* bertempat di Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) diadakan sebanyak satu (1) kali melibatkan pegawai-pegawai Kastam Ibu Pejabat dan Kastam Negeri pada 12 – 16 Ogos 2024. Taklimat dan Latihan ACTS telah diadakan di Kompleks Kastam Alor Setar pada 23-24 Julai 2024.

Sesi libat urus JKDM dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia dan *National Transit Transport Coordinating Committee (NTTCC)* yang dianggotai oleh pelbagai agensi antaranya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Kementerian Ekonomi untuk membincangkan isu-isu dan kerangka pelaksanaan AFAFGIT di Malaysia. Sesi ini di telah diadakan pada 3 Disember 2024 bertempat di Kementerian Pengangkutan Malaysia.


ASEAN SINGLE WINDOWS (ASW)

Sistem Malaysia Exchange Hub (MEH) telah beroperasi dengan lancar semenjak 21 Oktober 2020 untuk kegunaan pegawai-pegawai kastam di Ibu Pejabat dan Negeri bagi melihat maklumat pertukaran dokumen *ASEAN Trade In Goods (ATIGA)* dan *ASEAN Customs Declaration Document (ACDD)*. Bengkel penelitian dan pemurnian dokumen Operations handbooks ASW ATIGA e-Form D pada 22 hingga 23 Ogos 2024 bertempat di *Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI)*, Kuala Lumpur.

Mesyuarat *Working Group on Technical Matters for the ASEAN Single Window (TWG-ASW)* bagi menangani isu-isu berbangkit dan dokumen yang perlu dipersetujui di peringkat ASEAN Member States (AMS) diadakan secara berkala sebanyak tiga (3) kali setahun.

(i) **Statistik Pertukaran ATIGA e-Form D Mengikut Negara ASEAN Tahun 2024**


Jumlah keseluruhan pertukaran ATIGA e-Form D adalah sebanyak **Incoming – 171, 066** dan **Outgoing – 149,441**



Statistik Pertukaran ATIGA e-Form D Mengikut Negara ASEAN Tahun 2024

(ii) **Statistik Pertukaran ASEAN Customs Declaration Document (ACDD) Tahun 2024**


Jumlah keseluruhan pertukaran **ASEAN Customs Declaration Document (ACDD)** adalah sebanyak **Incoming – 236,133** dan **Outgoing – 1,833,533**. Tiada statistik dapat dikeluarkan bagi negara Lao PDR disebabkan pertukaran ACDD masih belum dilaksanakan.



Statistik Pertukaran ASEAN Customs Declaration Document (ACDD) Tahun 2024

SISTEM AUTHORIZED ECONOMIC OPERATOR (AEO)

Sistem AEO (sebelum tahun 2012 dikenali sebagai *Customs Golden Client (CGC)*) adalah aplikasi yang dibangunkan pada tahun 2004. Sistem ini digunakan oleh syarikat-syarikat pengimport dan pengeksport yang telah mematuhi keperluan piawai keselamatan dalam rantai perdagangan yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi membuat pengikraran dagangan import dan eksport serta pembayaran duti dan cukai kastam. Aplikasi AEO berintegrasi dengan sistem utama JKDM iaitu Sistem Maklumat Kastam (SMK). Sehingga kini terdapat sebanyak 177 buah syarikat AEO berdaftar dengan JKDM. Berikut merupakan statistik pengikraran di Sistem AEO pada tahun 2024:



Statistik pengikraran di Sistem AEO bagi tahun 2024

Selain daripada itu pelaksanaan inisiatif *Mutual Recognition Arrangement (MRA)* juga aktif dilakukan sebagai alternatif kepada syarikat Malaysia bukan berstatus AEO mendapat kemudahan perdagangan apabila berurusan dengan syarikat AEO di luar negara.

Perancangan pada masa akan datang, perluasan AEO ini akan melibatkan lebih banyak penyertaan syarikat-syarikat AEO melakukan aktiviti-aktiviti dagangan *high risk* dengan pengesahan/ kelulusan daripada *Other Government Agencies (OGA)* dan *Permit Issuance Agency (PIA)* hasil kelangsungan daripada Projek AEO Bersepadu Peringkat Nasional, pelaksanaan modul ejen AEO serta menegenhkan teknologi *Blockchain* pada sistem tersebut.

SISTEM LEVI PELEPASAN (MyDLv)

Sistem Levi Pelepasan (MyDLv) adalah sistem yang direka bentuk secara atas talian bertujuan sebagai pusat sehati untuk operator dan ejen pengendali asing bagi melaksanakan proses-proses berkaitan Levi Pelepasan berdasarkan kepada Akta Levi Pelepasan 2019. Sistem ini telah mula digunakan oleh Pegawai JKDM, Operator dan Ejen pengangkutan bermula Ogos 2019.

Sistem MyDLv telah dinaik taraf melalui pelaksanaan projek keperluan perubahan yang merangkumi penambahan modul serta fungsi penting seperti paparan lejer, pengurusan BOD, pengurusan remisi, menaik taraf versi pengaturcaraan serta menaik taraf keselamatan pelayan dan aplikasi. Selain itu, sebuah syarikat terpilih juga telah dilantik bagi melaksanakan penyelenggaraan pembetulan dan pencegahan ke atas sistem ini bermula Januari 2025 hingga Disember 2027 melalui proses sebutharga terbuka.

Semua Operator dan Ejen pengangkutan berdaftar telah mengikrar penyata pada tahun 2024 seperti berikut :

Jumlah Penyata Berdasarkan Kod Stesen Bagi Tahun 2024													
Kod Stesen	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	AGO	SEP	OKT	NOV	DIS	Jumlah
S23	10	9	9	9	9	9	9	9	9	8	8	8	106
W21	56	57	57	57	57	58	58	58	58	57	58	58	689
Y42	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	36
K18	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
M13	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
P01	3	2	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	35
J14	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
B16	17	17	17	18	18	18	18	18	18	17	16	16	208
A20	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	89	88	89	90	90	91	91	91	91	88	88	88	1074

Bilangan Transaksi Penyata yang telah diikrar oleh Operator dan Ejen pengangkutan berdaftar sepanjang tahun 2024.

Transaksi pembayaran MyDLv pada tahun 2024 mengikut saluran pembayaran adalah seperti berikut:

KAEDAH BAYARAN	BIL. TRANSAKSI
FPX B2C	40
FPX B2B	393
EFT	424
Jumlah	857


Bilangan Transaksi MyDLv Mengikut Saluran Pembayaran Pada Tahun 2024

SISTEM MyOGA

Sistem MyOGA merupakan sistem yang boleh dicapai secara Web-based https yang dibangunkan untuk kegunaan PIA dan OGA bagi menguruskan permit dan membuat pelepasan OGA. Selain itu, Sistem MyOGA telah menambah fungsi baru iaitu OGA Blanket Approval. Pelaksanaan Sistem MyOGA dapat menyelesaikan masalah kekangan jumlah terminal di sistem ETOS-SMK bagi pelepasan OGA sebelum ini. Bermula pada **12 Mei 2024** penggunaan Sistem MyOGA telah dilaksanakan sepenuhnya oleh OGA/PIA dan tiada lagi kelulusan OGA di SMK.



Skrin MyOGA -Laman Utama



Rajah Aliran MyOGA

Peranan PIA/OGA Sistem MyOGA

Sistem MyOGA memberi keutamaan kepada pegawai OGA untuk membuat pelepasan Konsainan menerusi Sistem MyOGA di pintu Keluar/Masuk kastam. Ia juga memberi kemudahan melaksanakan *Blanket Approval* sekiranya terdapat keperluan agensi. Bagi setiap permohonan Admin ID OGA/PIA perlu memberi senarai nama kepada Pegawai SMK negeri untuk didaftarkan sebagai Admin ID agensi masing-masing. Sebagai Admin ID agensi - OGA perlu cipta/tambah ID pengguna agensi masing-masing sebelum 11 Mac 2024.

Transaksi Sistem MyOGA

Transaksi MyOGA bermula 11 Mac 2024 sehingga Disember 2024 adalah seperti berikut:

STATISTIK PENGGUNAAN MYOGA BERMULA 11/03/2024 HINGGA 31/12/2024								
SISTEM	BORANG/ STATUS	Not Applicable	Wrong Tariff Code	Refused	Rejection	Part Release/ Cancel	Approval	JUMLAH
SMK	K1	155,910	52	26	130	1,349	526,067	683,534
	K2	43,640	23	0	88	1,921	499,167	544,839
	K3	0	0	0	0	0	0	0
	K8	1,496	0	1	0	92	32,500	34,089
	K9	0	0	0	0	0	0	0
AEO	PRS1	0	0	0	4	1	73	78
	PRS2	0	0	0	0	0	0	0
	PRS8	0	0	0	0	0	0	0
	PRS9	0	0	0	0	0	0	0
Total By Status		201,046	75	27	222	3,363	1,057,807	1,262,540

Bilangan Transaksi MyOGA Pada Tahun 2024

SISTEM SDSIE

Sistem SDSIE merupakan sistem permohonan dan pemantauan dokumen sokongan import eksport bagi menyokong pengikraran borang K1 sehingga K9. Pada peringkat awal sistem ini dilaksanakan di JKDM Selangor dengan menggunakan kepakaran pembangunan secara *in-house*. Seriring dengan perkembangan yang agak drastik dalam penggunaan sistem ini, bantuan dari pihak BTM dari segi teknikal dan infrastruktur telah dilaksanakan bagi memastikan sistem dapat digunakan dengan lebih efisien dan lancar. Pada tahun 2024, perancangan memperluaskan penggunaan sistem SDSIE ke seluruh JKDM telah dilaksanakan. Sistem SDSIE ini telah melalui proses pembangunan semula di bawah Porjek ICP dengan mengambil kira keperluan pengguna dari negeri-negeri yang terlibat. Penjenamaan semula sistem telah dilaksanakan dengan nama baharu iaitu MyCIEDS. Pada 6 sehingga 9 Januari 2025, sesi latihan dan awareness MyCIEDS telah dilaksanakan di JKDM Pulau Pinang.

SISTEM eBOOKING TEMPAHAN KEMUDAHAN IBU PEJABAT


Sistem eBooking Tempahan Kemudahan Ibu Pejabat dibangunkan sebagai satu kemudahan atas talian bagi Pegawai JKDM, Ibu Pejabat untuk memohon tempahan bilik mesyuarat, bilik latihan dan bilik gunasama bagi tujuan urusan rasmi kerajaan. Pembangunan sistem ini adalah secara *in-house* hasil dari inisiatif BTM dan Unit Pentadbiran Am, KPSPM. Sistem ini akan memudahkan urusan pemprosesan tempahan bilik yang lebih efisien. Sistem ini telah digunapakai sepenuhnya pada Januari 2025.



Paparan Sistem eBooking Tempahan Kemudahan Ibu Pejabat

SISTEM eSURVEY

Sistem eSurvey ini dibangunkan secara *in-house* pada pertengahan 2023 dan mula digunapakai pada tahun 2024 bagi soal selidik kajian kepuasan warga JKDM 2024. Bagi tahun 2024 sistem ini telah melalui fasa penambahbaikan bagi memenuhi keperluan soal selidik baharu yang akan diadakan pada 2025 iaitu soal selidik kajian persepsi masyarakat terhadap JKDM dan kepuasan pelanggan JKDM. Pembangunan sistem adalah hasil daripada inisiatif, usaha dan komitmen pasukan pembangunan sistem yang terdiri daripada Bahagian Perancangan Koporat dan BTM.



Paparan Sistem eSurvey


SISTEM CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (MyGST)

Sistem MyGST mula dilancarkan penggunaannya pada 1 Jun 2014 untuk modul Pendaftaran. Secara rasmi, penggunaan semua modul MyGST bermula 1 April 2015 selaras dengan tarikh pelaksanaan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2015 di Malaysia. Penggunaan sistem adalah tinggi tetapi berikutan pemansuhan GST di Malaysia bermula 1 September 2018, penggunaan dan capaian ke atas sistem ini telah menurun secara mendadak. Sepanjang tahun 2024, sistem ini berfungsi dengan lancar.




(i) Penambahbaikan MyGST

Penambahbaikan sistem MyGST dibuat bagi memenuhi perubahan keperluan perundangan, prosedur kerja dan polisi Jabatan. Penambahbaikan ini dilaksanakan oleh pembekal sistem dan pegawai-pegawai Unit Aplikasi Cukai Dalam Negeri, BTM (UCDN). Penambahbaikan yang telah dibuat bagi Tahun 2024 adalah sebanyak 181 Solution Request (SQR).



(ii) Pengguna Sistem Gentax MyGST


Bagi menjaga keselamatan sistem, pengguna yang tidak login ke sistem melebihi 2 minggu akan dikunci/lock daripada mengakses sistem. Berdasarkan carta di bawah, jumlah keseluruhan pengguna JKDM yang aktif adalah sebanyak 1,253 pengguna.



Jumlah Pegawai JKDM Mengikut Stesen Sebagai Pengguna MyGST Yang Aktif mengikut Negeri pada Tahun 2024

(iii) Transaksi Pembayaran

Transaksi pembayaran dipecahkan kepada dua kategori iaitu secara Online dan Manual. Pembayaran secara Online adalah pembayaran yang dibuat melalui Taxpayer Access Point (TAP) dan Pembayaran secara Manual bermaksud OKC menghantar cek secara pos ke Pusat Pemprosesan Kastam (CPC).




SISTEM TOURISM TAX (MyTTx)

Sistem MyTTx mula dilancarkan penggunaannya pada 1 Ogos 2017 sebagai sistem sokongan kepada pelaksanaan Akta Cukai Pelancongan 2017 di Malaysia. Sistem ini boleh diakses melalui pautan <https://www.myttx.customs.gov.my>. Sepanjang tahun 2024, sistem ini berjalan dengan baik.




(i) Pengguna Sistem MyTTx

Pengurusan ID Pengguna MyTTx yang sistematik amat penting bagi memastikan tahap keselamatan sistem terpelihara dan kawalan ke atas sistem ini sentiasa dipantau oleh pentadbir ID MyTTx. Jumlah keseluruhan Pengguna MyTTx di seluruh negara pada tahun 2024 ialah 5,581 pengguna.



(ii) Transaksi Pembayaran MyTTx

Terdapat dua kaedah pembayaran yang diterima melalui Sistem MyTTx iaitu secara *Online* dan *Manual*. Pembayaran secara *Online* adalah pembayaran yang dibuat melalui Sistem MyTTx menggunakan saluran FPX Paynet. Manakala pembayaran secara *Manual* bermaksud Pengendali Premis Penginapan menghantar cek secara pos ke Pusat Pemprosesan Kastam (CPC).



SISTEM CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (MySST)

Sistem MySST mula dilancarkan penggunaannya pada 6 Ogos 2018 berikutan pelaksanaan Cukai Jualan 2018 dan Cukai Perkhidmatan 2018 menggantikan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 2015 berkuatkuasa 1 September 2018. Sistem ini boleh diakses melalui pautan <https://www.mysst.customs.gov.my>. Sepanjang tahun 2024, sistem ini berjalan dengan baik.

(i) Pengguna Sistem MySST

Pada tahun 2024, sebanyak 506 pegawai baru telah mendaftar sebagai pengguna bagi sistem MySST.



(ii) Transaksi Pembayaran MySST

Dua kaedah pembayaran yang diterima melalui Sistem MySST adalah secara *Online* dan *Manual*. Pembayaran secara *Online* adalah pembayaran yang dibuat menerusi Sistem MySST menggunakan saluran FPX Paynet, manakala pembayaran secara *Manual* bermaksud Pengilang Berdaftar/ Orang Berdaftar menghantar cek ke CPC.



(iii) Aduan Teknikal MySST

Aduan Teknikal MySST ini dibuat menerusi alamat emel teknikalsst@customs.gov.my. Penggunaan sistem ini bermula 6 Ogos 2018. Pecahan aduan teknikal adalah seperti dalam carta berikut:




SISTEM CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN DIGITAL (MySToDS)

Sistem Cukai Perkhidmatan Ke Atas Perkhidmatan Digital (MySToDS) telah dilancarkan penggunaannya pada 1 April 2020 sebagai sistem sokongan kepada pelaksanaan Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019. Sistem ini boleh diakses melalui pautan <https://mystods.customs.gov.my/>. Sistem ini mula dibangunkan pada 9 Februari 2020 dan berjaya dilancarkan penggunaannya pada 1 April 2020.

(i) Pengguna Sistem MySToDS

Jumlah pengguna aktif sistem MySToDS adalah 872 pengguna yang merangkumi 134 pengguna dalaman iaitu pegawai JKDM dan 738 pengguna Pemberi Perkhidmatan Asing (PPA) yang merangkumi pengguna *main account* dan *sub account*. Jumlah pengguna PPA yang aktif dan berdaftar pada 2024 adalah berjumlah 540. Pengguna ini merangkumi 31 negara di seluruh dunia.



Jumlah Pengguna Pemberi Perkhidmatan Asing (PPA) Mengikut Negara

(ii) Aduan Teknikal MySToDS

Aduan teknikal MySToDS boleh dilakukan menggunakan Helpdesk sistem yang telah dibangunkan pada 2022. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 108 aduan telah diterima berkaitan sistem MySToDS.



SISTEM CUKAI JUALAN KE ATAS BARANG BERNILAI RENDAH (LOW VALUE GOODS – LVG)

Sistem Cukai Jualan Ke Atas Barang Bernilai Rendah (*Low Value Goods – MyLVG*) telah dilancarkan penggunaannya pada 1 Disember 2023 sebagai sistem sokongan kepada pelaksanaan Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2022. Sistem ini boleh diakses melalui pautan <https://mylvg.customs.gov.my>. Sistem ini mula dibangunkan pada 2 Januari 2023 dan dilancarkan secara berperingkat penggunaannya bermula pada 1 Disember 2023.



Pembangunan sistem ini dilakukan secara berperingkat dan merangkumi sepuluh (10) modul seperti berikut :

1. Modul Pendaftaran (*Registration*)
2. Modul Penyata (*Return*)
3. Modul Pembayaran (*Payment*)
4. Modul Pengurusan Tunggakan (*Debt Management*)
5. Modul Pulang Balik (*Refund*)
6. Modul Pengurusan (*Administration*)
7. Modul Remisi (*Remission*)
8. Modul Lejar Am (*General Ledger*)
9. Modul Audit (*Audit*)
10. Modul Laporan (*Report*)

(i) Pengguna Sistem MyLVG

Jumlah pengguna aktif sistem MyLVG adalah sebanyak 136 pengguna yang merangkumi pengguna dalaman iaitu pegawai JKDM dan 63 pengguna Penjual Berdaftar (RS) dan Penjual Tidak Berdaftar (NON RS).



(ii) Transaksi Pembayaran MyLVG

Secara keseluruhannya, sistem MyLVG menerima pembayaran 100% melalui atas talian (*online*). Kaedah pembayaran yang disediakan adalah seperti berikut :

- i. *Telegraphic Transfer (TT)*
Kaedah pembayaran ini boleh digunakan oleh Penjual Berdaftar dan Penjual Tidak Berdaftar yang tidak mempunyai bank berdaftar di Malaysia. Penjual Berdaftar dan Penjual Tidak Berdaftar boleh membuat pembayaran dengan melakukan pindahan pembayaran melalui Bank di Luar Negara kepada JKDM; dan
- ii. *Financial Process Exchange (FPX)*
Penjual Berdaftar dan Penjual Tidak Berdaftar boleh membuat bayaran dalam talian menggunakan (FPX) sebagai *payment gateway*. Penjual Berdaftar dan Penjual Tidak Berdaftar yang mempunyai akaun perbankan internet dengan mana-mana bank yang menyertai FPX sahaja boleh menggunakan kaedah ini.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, kemudahan/projek-projek ICT yang dirancang telah berjaya dilaksanakan mengikut perancangan. Setiap isu ditangani sebaik mungkin dan BTM akan sentiasa berusaha untuk membaiki dengan kerjasama dan sokongan padu daripada pengurusan, warga dan pelanggan Jabatan.



BAB 9: PERUNDANGAN

Bahagian ini terdiri daripada empat unit iaitu :

1. Unit Pendakwaan

Mengendalikan kes-kes perbicaraan berprofil tinggi di mahkamah jenayah dan mengendalikan perbicaraan rayuan serta semakan jenayah di mahkamah Tinggi di seluruh Malaysia.

2. Unit Sivil

Mengendalikan kes-kes perbicaraan dan rayuan sivil di Mahkamah Tinggi seluruh Malaysia termasuk Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

3. Unit Penasihat

Menyemak dan meneliti perjanjian di antara JKDM dengan pihak tempatan dan perjanjian yang melibatkan JKDM mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa serta memberi nasihat dan pandangan perundangan kepada JKDM.

4. Unit Gubalan

Menyemak draf perundangan utama dan draf perundangan subsidiari sebelum pewartaan bagi memastikan draf berada dalam keadaan teratur dari segi perundangan.

Selain itu, semua pegawai di Bahagian ini juga mengendalikan Kertas Siasatan yang dikemukakan untuk arahan, nasihat, izin untuk mendakwa dan izin untuk kompaun dan juga menyemak kontrak/perjanjian yang mempunyai kompleksiti yang tinggi dan memerlukan kajian yang mendalam.

Pengendalian Kes Jenayah

Pada tahun 2024, sebanyak 722 kes pendakwaan jenayah telah dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya di Bahagian ini.

PERKARA	TAHUN 2024
Pengendalian kes pendakwaan yang didaftarkan	722
Bilangan kes pendakwaan yang dikendalikan	722
Peratusan	100%

Kertas Siasatan

Pada tahun 2024, sebanyak 3247 Kertas Siasatan telah diberikan arahan oleh Bahagian ini.

PERKARA	TAHUN		
	2022	2023	2024
Bilangan kertas siasatan yang diagihkan	2623	2171	3247
Bilangan kertas siasatan yang dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh agihan	2525	2083	3217
Peratusan	97%	95.95%	99.08%

Pengendalian Kes Sivil

Pada tahun 2024, sebanyak 152 kes sivil telah dikendalikan oleh Peguam Kanan Persekutuan di Bahagian ini.

PERKARA	TAHUN 2024
Bilangan kes sivil yang didaftar dan dikendalikan	722
Bilangan kes sivil yang dikendalikan	152
Peratusan	100%

Memberi Nasihat dan Pandangan Undang-Undang

Pada tahun 2024, sebanyak 186 nasihat dan pandangan undang-undang telah dikeluarkan.

PERKARA	TAHUN		
	2022	2023	2024
Bilangan nasihat dan pandangan berdasarkan isu yang dimohon	98	141	186
Bilangan nasihat dan pandangan berdasarkan isu yang dikeluarkan	98	141	186
Peratusan	100%	100%	100%

Kontrak/Perjanjian

Pada tahun 2024, sebanyak 248 kontrak telah berjaya disemak dalam tempoh 21 hari oleh Bahagian ini.

PERKARA	TAHUN		
	2022	2023	2024
Bilangan kontrak yang diterima	267	276	248
Bilangan kontrak yang disemak dalam tempoh 14 hari dari tarikh yang diterima	229	233	220
Peratusan	86%	84.42%	88.71%

Draf Perundangan Utama Dan Perundangan Subsidiari

Pada tahun 2024, sebanyak 131 draf perundangan telah disemak oleh Bahagian ini.

PERKARA	TAHUN		
	2022	2023	2024
Bilangan draf perundangan yang diterima	70	120	131
Bilangan draf perundangan yang disemak	70	120	131
Peratusan	100%	100%	100%

Persidangan Pendakwaan Jabatan Peguam Negara Tahun 2024

Pegawai di Bahagian ini telah menghadiri Persidangan Pendakwaan Tahun 2024 yang dianjurkan oleh Jabatan Peguam Negara di Sunway Resort Hotel pada 2-4 Ogos 2024.





BAB 10:

CAWANGAN INTEGRITI

UNIT TADBIR URUS

MESYUARAT JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) JKDM 2024

BILANGAN	TARIKH / MASA	TEMPAT
BILANGAN 1 TAHUN 2024	07 Mac 2024	Hotel Ames, Melaka
BILANGAN 2 TAHUN 2024	21 Ogos 2024	Dewan Persidangan Sri Rampai JKDM Ibu Pejabat, Putrajaya
BILANGAN 3 TAHUN 2024	19 November 2024	Dewan Persidangan Sri Rampai JKDM Ibu Pejabat, Putrajaya

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JKDM 2020-2024

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JKDM 2020-2024 menetapkan 60 inisiatif yang memberi fokus kepada empat fungsi utama JKDM iaitu:



Pada 31 Disember 2024, pencapaian keseluruhan JKDM ini ialah **94%** penyelesaian daripada **60 inisiatif** yang telah ditetapkan dalam Pelan Antirasuah Organisasi ini.

BILANGAN	TARIKH / MASA	TEMPAT
BILANGAN 1 TAHUN 2024	06 Jun 2024	Bilik Mesyuarat Eksekutif
BILANGAN 2 TAHUN 2024	20 November 2024	Bilik Mesyuarat Eksekutif

ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)

Pensijilan MS ISO 37001:2016 ABMS adalah usaha Cawangan Integriti, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Bahagian Perkastaman dan pegawai di negeri bagi mematuhi piawaian kualiti bertaraf antarabangsa daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ke atas sistem pengurusan anti-rasuah yang dilaksanakan oleh jabatan secara berterusan dan menepati keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh standard MS ISO 37001:2016 dengan berkesan. JKDM telah mendapat pensijilan (no. sijil : ABMS 00161) bermula 14 Ogos 2020 hingga 13 Ogos 2026.

Audit pemantauan bagi tahun 2024 telah dilaksanakan oleh empat (3) orang Juruaudit SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM) dan telah dilaksanakan selama tiga (3) hari bermula pada 29 hingga 31 Mei 2024 di empat (4) lokasi secara serentak iaitu di:

- Bahagian Khidmat Pengurusan Sumber Manusia Ibu Pejabat;
- Cawangan Integriti Ibu Pejabat;
- Cawangan Pemeriksaan Penumpang 1, JKDM Zon Tengah Unit III, (LTA Kuala Lumpur); dan
- Cawangan Import / Eksport, Kompleks Dermaga Tanjung Lembung Langkawi, JKDM Kedah.

Hasil keputusan auditan oleh SIRIM, tiada laporan ketidakakuran / Noncomformity Report (NCR) yang dikeluarkan dan hanya 7 saranan penambahbaikan / Opportunity For Improvement (OFI) dilaporkan.

Skop bagi pensijilan Anti-Bribery Management System (ABMS)

BIL	SKOP	CAWANGAN	FUNGSI
1.	Perkhidmatan Pengurusan	Khidmat Pengurusan	• Pengurusan • Kompetensi & Pengurusan Rekod • Pengurusan prestasi & HRMIS • Pentadbiran Am
2.	Perkhidmatan Pengurusan	Perkhidmatan dan Latihan	• Perkhidmatan • Latihan

BIL	SKOP	CAWANGAN	FUNGSI
3.	Perkhidmatan Pengurusan	Pengurusan Kewangan	- Pembayaran/ Penerimaan/ Gaji - Penyelarasan dan Pemantauan
4.	Perkhidmatan Pengurusan	Logistik	Logistik dan Pengurusan Aset
5.	Perkhidmatan Pengurusan	Pengurusan Perolehan	Perolehan
6.	Integriti	Integriti	- Tadbir Urus - Pengukuhan Integriti - Pengesanan dan Pengesanan - Pengurusan Aduan - Pematuhan - Tatatertib
7	Perkastaman	Pemeriksaan Penumpang Import / Eksport	- Pemeriksaan Penumpang (mod udara) - Levi Pelepasan - Matawang - Pemeriksaan Penumpang (mod laut) / Kargo / Kurier - Kenderaan

LAIN-LAIN TUGASAN

Pasukan pembangunan Pelan Strategik JKDM 2025 -2027 bagi Cawangan Integriti. Penyediaan maklum balas bagi JKDM kepada pelbagai agensi antaranya SIAP, SPRM, Kementerian Kewangan dan lain-lain. Pembangunan dan penambahbaikan proses kerja, SOP, garis panduan dan perintah mengikut arahan-arahan terkini yang berkuatkuasa.

UNIT PENGUKUHAN INTEGRITI



SENARAI AKTIVITI

1. **PROGRAM HARI KEBESARAN ISLAM (6 SIRI)**
 - Israk Mikraj
 - Awal Ramadan
 - Nuzul Al-Quran
 - Awal Zulhijjah
 - Maal Hijrah
 - Maulidur Rasul
2. **KURSUS/BENGKEL (3 KURSUS)**
 - Seminar Pengurusan dan Pentadbiran Kematian
 - Kursus Pengukuhan Integriti SMART CORE
 - Kursus Motivasi dan Sahsia Diri Anak- Anak Kastam
3. **PROGRAM SAMBUTAN BULAN INTEGRITI**
 - Pertandingan Dikir Barat
4. **PERSIDANGAN INTEGRITI JKDM SE-MALAYSIA 2024**
5. **CHIT CHAT INTEGRITI**
 - 6 Siri (HQ, Sabah, Johor, Kedah, Perlis, Selangor)
6. **BICARA INTEGRITI & ANTI-RASUAH**
 - 2 Siri (KLIA, Terengganu)
7. **DOWN TO STATION**
 - 6 Siri (Dengkil, BTM HQ, Johor (2 Siri), Perlis, KLIA)
8. **PEMBUDAYAAN INTEGRITI**
 - Tazkirah Jumaat Sempena Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-42
 - Tadabbur Al-Quran (2 Siri)
 - 27 Bilangan Info Integriti
 - Ceramah MPGIA




UNIT PENGESANAN & PENGESAHAN

STATISTIK AKTIVITI TAHUN 2024

Sepanjang tahun 2024, Unit Pengesanan dan Pengesahan telah membuka **86 fail** pengesanan dan sebanyak **41 fail** telah selesai. Data statistik fail pengesanan adalah seperti berikut:

PECAHAN TINDAKAN FAIL YANG TELAH SELESAI BAGI TAHUN 2024



KES-KES UTAMA

- Siasatan OPS Dadah, Sabah
- Siasatan OPS Tukar, Melaka
- Siasatan OPS Tukar, Dengkil




UN IT PENGURUSAN ADUAN

JUMLAH KESELURUHAN ADUAN TAHUN 2024

ADUAN	TERIMA	NEGERI	IBU PEJABAT
Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA)	1025	742	283
MyIntegriti	217	76	141

*Data dikemaskini sehingga 31 Disember 2024

Penerimaan Aduan SISPAA/MyINTEGRITI 2024



Pelaporan Sistem MyIntegriti Mengikut Kategori Tahun 2024

BIL	KATEGORI	ADUAN	SELESAI	DALAM TINDAKAN
1.	Tidak Hadir Bertugas	1	1	0
2.	Menyenggara Taraf Kehidupan Yang Melebihi Emolumen Dan Pendapatan Persendirian Yang Sah	1	0	1

BIL	KATEGORI	ADUAN	SELESAI	DALAM TINDAKAN
3.	Etiket Pakaian	1	1	0
4.	Ketidakhadiran Tanpa Cuti	1	1	0
5.	Menerima/ Memberi Hadiah	1	1	0
6.	Tadbir Urus - Penguatkuatkuasaan (Tender Kenderaan)	1	1	0
7.	Gangguan Seksual	2	1	1
8.	Keluar Negara Tanpa Kebenaran	2	2	0
9.	Membuat Pernyataan Awam	2	0	2
10.	Semakan Tatatertib	2	0	2
11.	Tatatertib	3	3	0
12.	Penyalahgunaan Dadah	3	1	2
13.	Pekerjaan Luar	4	2	2
14.	Jenayah	4	2	2
15.	Jenayah Syariah	5	3	2
16.	Penyelewengan	6	1	5
17.	Pelanggaran Prosedur dan Pekeliling Jabatan	6	2	4
18.	Kelakuan Biadap dan Tidak Profesional	12	9	3
19.	Tatakelakuan	23	13	10
20.	Salah Guna Kuasa	23	13	10
21.	Rasuah	34	13	21
22.	Disiplin Kakitangan	39	25	14
23.	Tidak Mengikut Prosedur Kerja	41	13	28
JUMLAH		217	108	109

UNIT PEMATUHAN



SENARAI AKTIVITI

NAZIRAN PENGURUSAN PEROLEHAN

BIL	STESEN	TARIKH
1.	PTJ AKMAL MELAKA	15 - 17 Januari 2024
2.	PTJ AYER KEROH	17 - 19 Januari 2024
3.	PTJ MUAR	18 - 19 Februari 2024
4.	PTJ JOHOR BAHRU	20 - 22 Februari 2024
5.	PTJ KUANTAN	24 - 26 April 2024
6.	PTJ MIRI	11 - 13 Jun 2024
7.	PTJ SANDAKAN	25 - 27 Jun 2024
8.	PTJ SEREMBAN	12 - 13 Ogos 2024

NAZIRAN KEHADIRAN

BIL	STESEN
1.	PTJ KUANTAN (24 - 26 April 2024)
2.	PTJ MIRI (11 - 13 Jun 2024)

PEMERIKSAAN MENGEJUT / MYSTERY SHOPPING

- ICQS BANDAR HILIR
- PELABUHAN TANJUNG BERUAS
- ZPB BATU BERENDAM
- KOMPLEKS IMPORT EKSPORT PELABUHAN JOHOR
- KOMPLEKS BEBAS CUKAI STULANG
- STESEN JKDM CAMERON HIGHLANDS
- PELABUHAN KUANTAN 1
- PELABUHAN KUANTAN 2
- BAZAAR RAMADAN PRESINT 3
- MITSUI OUTLET PARK
- ALAMANDA SHOPPING CENTRE
- ANJUNG SYAWAL (BAZAAR RAYA)
- PUSAT MEMBELI BELAH KLIA
- CAWANGAN PEMERIKSAAN PENUMPANG 2

UJIAN SARINGAN AWAL AIR KENCING

LOKASI	PEGAWAI DISARING	KEPUTUSAN (+VE)	KEPUTUSAN (-VE)	+VE PATOLOGI (%)
JKDM Ipoh Perak	19	-	-	-
JKDM Akmal Melaka	148	-	-	-
JKDM Akmal Melaka	60	-	-	-
JKDM Miri	47	-	-	-
JKDM Sandakan	45	-	-	-
ICQ Bangunan Sultan Iskandar	262	1	-	-
Cawangan Integriti Ibu Pejabat	1	1	-	-
JKDM Sungai Petani	67	1	-	-
JKDM Akmal Melaka	117	1	1	0.85%
Pejabat Penguatkuasaan JKDM Sungai Pulai	119	1	-	-
JUMLAH	885	5	1	0.11%

UNIT TATATERTIB

SENARAI AKTIVITI

BIL.	MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB IBU PEJABAT	TARIKH MESYUARAT
1.	Kumpulan Sokongan (No.1), Bil. 1/2024 JKDM Ibu Pejabat	25 Mac 2024
2.	Kumpulan Sokongan (No.1), Bil. 2/2024 JKDM Ibu Pejabat	25 Mac 2024
3.	Kumpulan Pengurusan (No.2), Bil. 1/2024 JKDM Ibu Pejabat	13 Mei 2024
4.	Kumpulan Sokongan (No.1), Bil.3/2024 JKDM Ibu Pejabat	28 Ogos 2024
5.	Kumpulan Sokongan (No.1), Bil.4/2024 JKDM Ibu Pejabat	28 Ogos 2024
6.	Kumpulan Sokongan (No.2), Bil. 1/2024 JKDM Ibu Pejabat	21 November 2024
7.	Kumpulan Pengurusan (No.2), Bil. 2/2024 JKDM Ibu Pejabat	27 Disember 2024

BIL.	MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB NEGERI	TARIKH MESYUARAT
1.	Kumpulan Sokongan (No.2), Bil.1/2024 JKDM Perlis	7 Februari 2024
2.	Kumpulan Sokongan (No.2), Bil. 1/2024 JKDM Terengganu	28 Februari 2024
3.	Kumpulan Sokongan (No.2), Bil. 1/2024 JKDM Perak	15 Ogos 2024
4.	Kumpulan Sokongan (No.2), Bil. 2/2024 JKDM Perak	24 September 2024
5.	Kumpulan Sokongan (No.2), Bil. 1/2024 JKDM Negeri Sembilan	30 Oktober 2024

STATISTIK KES TATATERTIB YANG TELAH SELESAI TAHUN 2024

BILANGAN KES TATATERTIB YANG TELAH SELESAI JANUARI HINGGA DISEMBER 2024	JANUARI HINGGA DISEMBER 2024			
	IBU PEJABAT	JPA/SPA	NEGERI	JUMLAH
	44	3	9	56

1. Statistik Tata tertib Mengikut Jenis Kesalahan

JENIS KESALAHAN		IBU PEJABAT	JPA/SPA	NEGERI	JUMLAH
	TIDAK HADIR BERTUGAS	4	1	-	5
	RASUAH / SALAHGUNA KUASA	26	1	-	27
	JENAYAH NARKOTIK (DADAH)	8	-	1	9
	KES POLITIK	-	-	-	-
	TIDAK MENGIKUT PROSEDUR KASTAM	4	1	4	9
	SKANDAL	-	-	-	-
	TATAKELAKUAN/LAIN-LAIN KES	2	-	4	6
	SURCAJ	-	-	-	-
	JUMLAH	44	3	9	56

2. Statistik Keputusan Lembaga Tata tertib

JENIS KESALAHAN		IBU PEJABAT	JPA/SPA	NEGERI	JUMLAH
	BEBAS	2	-	8	10
	BERSALAH	10	1	1	12
	SURCAJ	-	-	-	-
	TAHAN KERJA	28	2	-	30
	GANTUNG KERJA	3	-	-	-
	SEDANG DALAM PERHATIAN (SDP)	1	-	-	-
	JUMLAH	44	3	9	56

3. Statistik Tata tertib Mengikut Jenis Hukuman

JENIS HUKUMAN		IBU PEJABAT	JPA/SPA	NEGERI	JUMLAH
	AMARAN	9	1	1	11
	DENDA	1	-	-	1
	LUCUTHAK EMOLUMEN	-	1	-	1
	TANGGUH PERGERAKAN GAJI	3	1	1	5
	TURUN GAJI	2	-	1	3
	TURUN PANGKAT	-	-	-	-
	BUANG KERJA	5	-	-	5
	SURCAJ	-	-	-	-
	DIBEBASKAN	2	-	8	10
	SURCAJ & AMARAN	-	-	-	-
	PERINTAH TAHAN KERJA	28	2	-	30
	PERINTAH GANTUNG KERJA	3	-	-	3
	JUMLAH	53	5	11	69

4. Statistik Tata tertib Mengikut Gred Jawatan

GRED JAWATAN		IBU PEJABAT	JPA/SPA	NEGERI	JUMLAH
	JUSA	-	-	-	-
	GRED 54	-	-	-	-
	GRED 52	-	-	-	-
	GRED 48	-	2	-	2
	GRED 44	2	-	-	2
	GRED 41	2	1	-	3
	GRED 36	-	-	-	-
	GRED 32	-	-	-	-
	GRED 29	-	-	-	-
	GRED 28	-	-	-	-
	GRED 26	-	-	1	1
	GRED 22	13	-	3	16
	GRED 20	-	-	-	-
	GRED 19	25	-	5	30
	GRED 14	1	-	-	1
	GRED 11	1	-	-	1
	JUMLAH	44	3	9	56

5. Statistik Tata tertib Mengikut Negeri

		IBU PEJABAT	JPA/SPA	NEGERI	JUMLAH	
NEGERI	PERLIS		-	-	1	1
	KEDAH		3	-	-	3
	PULAU PINANG		1	1	-	2
	PERAK					
	ZON TENGAH	WPKL (UNIT I)	11	1	-	12
		SELANGOR (UNIT II)	15	-	-	15
		KLIA (UNIT III)	-	-	-	-
		PUTRAJAYA	-	-	-	-
	IBU PEJABAT		2	-	-	2
	NEGERI SEMBILAN		-	-	2	2
	MELAKA		-	-	-	-
	JOHOR		6	-	-	6
	TERENGGANU		-	-	2	2
	KELANTAN		1	-	-	1
	PAHANG		1	-	-	1
	SARAWAK		-	-	-	-
	SABAH		1	-	-	1
	LABUAN		-	-	-	-
JUMLAH		44	3	9	56	





JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



www.customs.gov.my



cpa@customs.gov.my



[JabatanKastamDirajaMalaysia](https://www.facebook.com/JabatanKastamDirajaMalaysia)



[@KastamMalaysia](https://twitter.com/@KastamMalaysia)



[kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)